


## **BAB LIMA**

### **PARTISIPASI GENDER DALAM POLITIK**

Konsep berpolitik adalah berbeza antara seorang individu dengan individu yang lain. Responden dinilai pola penglibatan mereka dalam politik berdasarkan kepada parti yang dianggotai, tahap keaktifan mengikuti kegiatan-kegiatan politik yang disertai, minat dan halangan dalam politik. Penyertaan anggota masyarakat dalam politik adalah penting untuk mempengaruhi kerajaan dalam proses membuat keputusan.

Penulisan kajian dalam bab lima ini akan dibuat dengan merujuk kepada kerangka teori di bawah:

Rajah 5.1. Kerangka Teori Penghuraian Bab Lima



Sumber: Kajian Penulis (2000)

Kerangka ini menjadi panduan untuk meneliti hubungan gender dalam politik dengan melihat penglibatan wanita UMNO dan wanita PAS. Analisis akan ditumpukan kepada tahap penglibatan wanita dalam politik dengan mengumpulkan maklumat demografi mereka. Kajian ini hanya mewakili sebahagian kecil ahli-ahli PAS dan UMNO di Terengganu dan Selangor sahaja. Ia menggambarkan pandangan mereka terhadap hubungan gender dalam politik tetapi tidak mewakili pandangan semua ahli PAS dan UMNO. Selain daripada itu, penekanan analisa kajian juga lebih ditumpukan kepada kumpulan jantina dan parti, bukan mengikut kawasan pemilihan responden. Pengkaji mengambil keputusan untuk tidak membincangkan secara mendalam perbezaan atau persamaan antara responden daripada Selangor atau Terengganu sekiranya dapatan kajian tidak menunjukkan sebarang penemuan penting. Hipotesis yang ingin dibuktikan di dalam bab ini ialah diskriminasi sememangnya wujud dalam politik hingga membataskan penglibatan wanita secara lebih berkesan.

Bagi mengenalpasti tahap penglibatan responden dalam politik, adalah perlu untuk mendapatkan maklumat mengenai latar belakang responden seperti umur, tempat dibesarkan, tahap pendidikan, status perkahwinan dan jenis pekerjaan. Ini akan menolong pengkaji memahami pandangan politik responden tentang kedudukan wanita dalam konteks gender. Seramai 271 orang responden<sup>1</sup> diperolehi dengan bilangan 136 orang lelaki dan 135 orang wanita. Daripada jumlah itu, 136 orang adalah ahli PAS (68 orang lelaki dan 68 orang perempuan) manakala 135 orang lagi ahli UMNO (67 perempuan dan

---

<sup>1</sup> Responden yang dipilih dikategorikan sebagai ‘orang politik’ tanpa mengira tahap keaktifan kerana mereka telah meluangkan masa untuk melibatkan diri dalam arena politik.

68 orang lelaki). 136 orang merupakan responden daripada negeri Selangor dan 135 yang lain daripada Terengganu.

### 5.1. Tahap Keaktifan Responden

Keaktifan yang dimaksudkan di sini ialah seseorang ahli yang giat menjalankan aktiviti-aktiviti parti dan politik sama ada menghadiri ceramah, kerja-kerja kebajikan, mesyuarat parti, berkempen untuk calon parti, mengundi parti yang sama dan mengikuti perkembangan parti. Individu tersebut juga menjalankan kerja-kerja parti yang lain seperti menghadiri mesyuarat di peringkat kawasan, cawangan, bahagian, negeri serta pusat. Jadual 5.1 menunjukkan bilangan responden wanita yang aktif dalam kajian kes ini adalah lebih ramai iaitu 54.3% berbanding dengan lelaki, 45.7%.

Jadual 5.1: Keaktifan Responden Mengikut Jantina dan Parti (n=271)

PARTI	PEREMPUAN (%)	LELAKI (%)
UMNO	55.6%	44.4%
PAS	53.3%	46.7%
JUMLAH	54.3%	45.7%

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Golongan lelaki yang aktif termasuk 46.7% responden lelaki PAS dan 44.4% responden lelaki UMNO. Responden wanita PAS yang aktif ialah seramai 53.8%. Manakala peratus wanita UMNO yang aktif pula 55.6%. Ini menunjukkan sampel responden wanita UMNO dalam kajian ini lebih aktif dalam melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan politik berbanding dengan wanita PAS.

Jadual 5.2: Jawatan Responden Mengikut Jantina Dalam Struktur Parti

JAWATAN YANG DIPEGANG	PEREMPUAN (%)	LELAKI (%)	JUMLAH (%)
Tiada Jawapan	0.7	-	.4
Ahli Jawatankuasa Kawasan/Cawangan/Bahagian	73.3	91.7	77.5
Ahli Jawatankuasa Tertinggi Parti	4.4	2.2	3.3
Ahli Jawatankuasa Peringkat Negeri	6.7	7.4	7.0
Ketua Kawasan/Cawangan/Bahagian	14.8	8.8	11.8
<b>JUMLAH</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)


Nota: Perincian responden PAS dan UMNO dari Terengganu dan Selangor hanya akan dibuat mengikut keperluan

Daripada 271 responden, didapati 73.3% responden wanita dan 91.7% responden lelaki merupakan ahli yang aktif dalam kegiatan politik. Mereka mempunyai jawatan di dalam parti sama ada di peringkat bahagian, cawangan, negeri dan pusat. Pada peringkat kepimpinan Negeri, seramai 6.7% responden wanita memegang jawatan berbanding dengan 7.4% kaum lelaki. Walaupun hanya 11.1% persampelan wanita mempunyai kuasa di peringkat membuat keputusan tetapi ia menunjukkan bahawa golongan ini tetap memberi sumbangan yang penting di peringkat kepimpinan.

### 5.1.1. Tahap Umur Responden

Usia boleh memainkan peranan dalam menentukan tahap keterlibatan individu dan sejauhmana individu tersebut seorang ahli yang aktif atau pasif dalam politik.

Rajah 5.2 : Bilangan Umur Responden Mengikut Jantina



Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Berdasarkan data yang dikumpul, 33.2% responden berumur di antara 30-39 tahun dan 28.0% berumur di antara 40-49 tahun. Terdapat 19.2% responden berumur 21-29 tahun manakala yang berumur 50 tahun ke atas hanya 19.2%. Tiada responden yang berumur 20 tahun ke bawah. Ini kerana mereka yang berusia 18 tahun ke atas sahaja yang boleh menjadi ahli parti politik. Tambahan pula tahap umur yang dibenarkan untuk mengundi bagi warganegara Malaysia ialah 21 tahun ke atas. Faktor yang lain kerana golongan remaja baru menjinakkan diri dengan politik dan belum mempunyai kesedaran yang tinggi tentang kepentingan politik.

Di samping itu, 34.8% adalah responden wanita yang bertumur 30-39 tahun, 25.2% berumur 40-49 tahun manakala 21.5% berumur di antara 20-29 tahun. Terdapat 17.8% responden wanita yang berumur 50 tahun ke atas. Bilangan responden lelaki yang berusia 50 tahun ke atas lebih tinggi iaitu 20.6%. Responden wanita lebih ramai yang

berumur 30-39 tahun iaitu 34.8%. Bilangan responden lelaki yang berada dalam lingkungan 40-49 tahun pula adalah lebih ramai iaitu 30.9%.

Walaupun responden dipilih secara sampel rawak tetapi bilangan yang berumur dalam lingkungan 30-39 tahun dan 40-49 tahun lebih tinggi, menunjukkan bahawa golongan ini bergiat aktif dalam bidang politik. Dalam lingkungan umur yang sedemikian responden sudah mendapat pendedahan yang secukupnya mengenai dunia politik. Faktor yang lain, kerana responden sudah mempunyai pekerjaan yang lebih stabil dan lebih yakin dengan diri sendiri. Bagi responden wanita pula, tugas di peringkat membesarkan anak telah berlalu dan mereka mempunyai lebih banyak masa untuk berpolitik.

Jadual 5.3: Keaktifan Dalam Politik Mengikut Umur

KATEGORI UMUR	BILANGAN YANG AKTIF (%)
20 Tahun ke bawah	0
21-29 tahun	59.6
30-39 tahun	78.7
40-49 tahun	73.3
50 tahun ke atas	76.9

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Terdapat 78.7% daripada keseluruhan responden yang berusia 30-39 tahun dan 73.3% responden berumur di antara 40 hingga 49 tahun merupakan ahli parti yang aktif. Peratus ahli parti yang aktif dalam kedua-dua kategori ini memperlihatkan bahawa pada tahap umur sedemikian gerak kerja seseorang individu itu bukan saja bergantung kepada mereka yang lebih bertenaga, lincah dan bersemangat tetapi juga berpengalaman untuk menjayakan matlamat parti masing-masing. Satu perkara yang menarik ialah 76.9%

responden yang berusia 50 tahun ke atas merupakan ahli parti yang aktif. Responden yang berumur 21-29 tahun tidak ramai yang aktif, kerana mereka masih berada dalam jangkamasa reproduksi yang produktif dengan itu tumpuan terpaksa diberikan kepada rumah tangga.

Kebanyakan responden wanita UMNO yang bergerak aktif dalam politik berumur dalam lingkungan 50 tahun ke atas iaitu 32%. Bagi responden wanita PAS pula, golongan yang aktif berusia antara 30-39 tahun iaitu 41%. Perbezaan umur responden wanita yang aktif di antara PAS dan UMNO mempengaruhi persepsi dan sikap mereka terhadap politik. Keaktifan golongan wanita UMNO yang berusia 50 tahun ke atas, disebabkan oleh pengalaman serta pendedahan yang diterima dalam politik. Apabila matlamat serta arah perjuangan mereka lebih jelas sudah tentu golongan ini akan bertungkus lumus melaksanakan cita-cita parti melalui komitmen dan gerak kerja yang berterusan. Menurut Puan Gholah,

..orang-orang muda terutama dalam perebutan jawatan..(macam) makcik bermula di peringkat bawah naik (ke atas). Orang sekarang tidak, terus naik mendadak. Hari ini pun ada yang baru 2 tahun (jadi ahli) dah nak pegang jawatan dan nama tetapi kerja tidak seberapa.. orang atas tidak mau (dipimpin) ditegur orang bawah termasuk lelaki dan perempuan terutama yang ada kelulusan<sup>2</sup>

Mereka juga tidak lagi berdepan dengan bebanan untuk menguruskan keluarga dan rumah tangga. Seorang ahli PAS<sup>3</sup> yang ditemui, mengakui walaupun sudah berumur tetapi peranan wanita adalah penting bagi menjamin sokongan orang ramai terhadap parti.

<sup>2</sup> Temubual dengan Puan Gholah, perwakilan wanita UMNO dari Kedah di Perhimpunan Agung UMNO pada 11 Mei 2000.

<sup>3</sup> Beliau merupakan salah seorang Ketua Muslimat PAS di daerah Kemaman. Nama beliau tidak dapat disiarkan kerana tidak mendapat keizinan. Temubual dijalankan semasa Muktamar PAS ke 46 di Kuala Terengganu.

Ia merupakan satu keperluan kepada ahli-ahli wanita untuk bergiat aktif dan menjayakan cita-cita parti.

Tidak ramai responden wanita PAS yang berusia 50 tahun ke atas. Ini berkait rapat dengan proses pemilihan responden. Kebanyakan responden wanita PAS yang berusia enggan terlibat dengan kajian. Mereka menganggap ia tidak mendatangkan faedah. Walau bagaimanapun dalam pemerhatian penulis, didapati golongan yang berumur merupakan golongan paling ramai memegang jawatan sama ada di peringkat cawangan atau bahagian. Perlantikan golongan ini dibuat berdasarkan beberapa faktor iaitu senioriti, kurang tanggungjawab dalam keluarga dan kemampuan untuk membimbang masyarakat melalui usrah-usrahyang diadakan.<sup>4</sup> Usrah ialah aktiviti yang paling kerap diadakan oleh Muslimat PAS. Ia merupakan satu bentuk ceramah agama dengan satu kelompok kecil wanita PAS yang tinggal dalam kawasan yang sama akan dikumpulkan. Syarat perlantikan AJK yang dikenakan oleh Dewan Muslimat PAS.<sup>5</sup> Lazimnya kumpulan usrah mengandungi 20-25 orang peserta. Faktor lain pula, kurangnya golongan muda yang belum berkeluarga menghadiri mesyuarat atau perjumpaan yang diadakan oleh wanita PAS. Dengan itu perlantikan AJK wanita yang sudah berumur dibuat kerana tidak ada calon wanita muda yang lebih sesuai. Tambahan pula, kebanyakannya ahli yang hadir semasa mesyuarat pemilihan AJK, lebih cenderung memilih mereka yang berumur dengan alasan golongan ini mempunyai pengalaman. Malangnya

<sup>4</sup> Temubual dengan Ketua Muslimat Kampung Padang Tengir, Kuala Terengganu iaitu Raja Zainab binti Raja Ibrahim

<sup>5</sup> Ibid

kebanyak yang terpilih mempunyai masalah untuk menulis dan membaca.<sup>6</sup> Selain itu, perlantikan ini dibuat memandangkan anak-anak sudah besar atau mempunyai suami yang turut memahami kepentingan penglibatan mereka. Dengan itu, mereka akan mempunyai banyak masa dan dapat bergerak bebas untuk menghadiri sebarang aktiviti parti.

Terdapat dua kesimpulan yang boleh diambil berdasarkan maklumat-maklumat di atas. Pertama, responden dalam kajian ini yang berumur 30-49 tahun, lelaki dan wanita merupakan golongan parti yang ramai dan paling aktif terlibat dalam parti politik. Antara faktornya ialah, pada usia yang sedemikian, seseorang individu itu lebih matang dan tahu arah tujuan penglibatan mereka dalam politik serta lebih terdedah kepada pergolakan politik semasa. Ini menunjukkan umur bukan faktor utama untuk menghalang wanita daripada bergiat aktif dalam politik. Kesimpulan kedua, kaum wanita akan tetap mengambil bahagian dalam aktiviti parti dan memberi komitmen yang tinggi walaupun sudah berusia kerana mereka berkeyakinan terhadap perjuangan parti yang disertai.

### **5.1.2. Tempat Dibesarkan**

Latar belakang tempat responden dibesarkan adalah penting untuk melihat pengaruhnya terhadap pemikiran politik responden mengenai kedudukan kaum wanita. Adalah dipercayai masyarakat luar bandar masih mempunyai pandangan yang sempit terhadap peranan yang perlu dimainkan oleh wanita berbanding dengan golongan yang dibesarkan di bandar.

---

<sup>6</sup> Temubual dengan Puan Raja Zainab binti Raja Ibrahim, Ketua Muslimat Padang Tengir, di Kampung Padang Tengir pada 20 Ogos 1999.

Jadual 5.4: Tempat Responden Dibesarkan

PARTI	JANTINA	TEMPAT DIBESARKAN		JUMLAH	
		BANDAR	LUAR BANDAR		
UMNO	PEREMPUAN	24	42	66	
		17.9%	15.7%	49.3%	
	LELAKI	23	45	68	
		32.8%	33.5%	50.7%	
JUMLAH		45	86	134	
		33.6%	64.2%	97.8%	
PAS	PEREMPUAN	13	55	68	
		9.6%	40.4%	100.0%	
	LELAKI	18	49	67	
		13.2%	36.0%	100.0%	
JUMLAH		31	104	135	
		22.8%	76.5%	100.0%	

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Terdapat 76 orang responden yang dibesarkan di bandar dan 190 orang dibesarkan di luar bandar. Seramai 6 orang responden dibesarkan di kawasan bandar dan luar bandar. Secara keseluruhan, 76.5% responden PAS dibesarkan di luar bandar manakala 64.2% pula ialah responden UMNO. 33.6% responden UMNO dibesarkan di bandar iaitu 10.8% lebih tinggi daripada responden PAS yang dibesarkan di bandar.

Data yang diperolehi menunjukkan bahawa majoriti responden wanita UMNO dan PAS dibesarkan di luar bandar. Bilangan responden PAS lebih ramai iaitu 40.4% berbanding dengan wanita UMNO, 31.3%. Begitu juga dengan responden lelaki PAS yang dibesarkan di luar bandar lebih ramai 36.0%. Selain daripada itu, responden wanita UMNO yang dibesarkan di bandar adalah lebih ramai iaitu 17.9% berbanding wanita PAS hanya 9.6%.

Adalah penting untuk mengetahui tempat responden dibesarkan kerana ia mempengaruhi pandangan serta sikap mereka terhadap isu-isu gender seperti diskriminasi dalam politik, kepimpinan wanita dan ekspektasi peranan wanita dan lelaki dalam masyarakat. Masyarakat luar bandar sukar menerima ketokohan wanita sebagai pemimpin seperti kaum lelaki. Malah masih ramai berpegang dengan kepercayaan lama bahawa wanita tidak seharusnya didedahkan kepada perkara-perkara awam atau menjadi pemimpin.

### 5.1.3. Sektor Pekerjaan

Latar belakang pekerjaan responden juga dikaji bagi melihat pengaruh pekerjaan responden terhadap pembabitan mereka dalam politik. Kategori pekerjaan dibahagikan kepada 6 bahagian iaitu pekerja kerajaan, pekerja swasta, bekerja sendiri, pesara kerajaan, pesara swasta dan tidak bekerja iaitu mengganggur atau menjadi surirumah sepenuh masa.

Jadual 5.5: Jenis Pekerjaan Responden

JENIS PEKERJAAN RESPONDEN	JUMLAH
GURU	55
PESARA	17
PEGAWAI	29
KERANI	22
PENTADBIR	7
AHLI PERNIAGAAN	22
SURIRUMAH	38
LAIN-LAIN PEKERJAAN	82
JUMLAH	271

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Secara umumnya, antara jenis pekerjaan yang mempunyai bilangan responden yang paling ramai ialah guru iaitu seramai 55 orang, pegawai 29 orang, manakala pesara kerajaan dan swasta berjumlah 17 orang dan kerani 22 orang. Terdapat 22 orang

mempunyai perniagaan mereka sendiri. Seramai 38 orang responden wanita merupakan surirumah sepenuh masa. Suri rumah yang dimaksudkan di sini ialah golongan wanita yang menjalankan aktiviti-aktiviti di rumah yang melibatkan kerja-kerja domestik. Walaupun ada kegiatan komersial dilakukan untuk menampung kerjaya politik mereka tetapi ia tidak dianggap sebagai satu pekerjaan kerana tidak menerima gaji daripada mana-mana pihak.<sup>7</sup> Selain daripada itu, terdapat 31 orang golongan profesional yang bekerja sebagai peguam, doktor, jurutera, juruteknik, pengurus, pensyarah serta akauntan.

Jadual 5.6 pula menunjukkan terdapat 30.8% responden wanita tidak bekerja, 27.7% bekerja di jabatan kerajaan, 19.2% bekerja sendiri, 16.4% di swasta dan 6.2% pesara kerajaan. Manakala 44.1% responden lelaki merupakan pekerja dalam perkhidmatan awam, 26.5% pekerja swasta, 16.2% bekerja sendiri, 10.3 % pesara kerajaan, 7% pesara swasta dan 2.2% tidak bekerja.

Manakala 33.8% responden wanita PAS tidak bekerja, 25% merupakan pekerja dalam perkhidmatan awam, 20.6% pekerja swasta dan 19.1% bekerja sendiri. Bagi wanita UMNO pula, 30.6% merupakan pekerja di dalam jabatan kerajaan, 27.4% tidak bekerja, 19.4% bekerja sendiri, 11.3% pesara kerajaan dan 8.1% bekerja sendiri. Peratus responden wanita UMNO yang berada dalam perkhidmatan awam lebih tinggi.

---

<sup>7</sup> Wazir Jahan Karim, "Women in Politics: Australia, Indonesia, Malaysia, Philipines and Thailand," RUSIISAP Series on Monographs and Occasional Papers; 36. Bangkok: UNESCO: Principal Regional Office. For Asia and The Pacific, Thailand, 1993, m.s 111.

Jadual 5.6: Kategori Pekerjaan Responden

PARTI	KATEGORI PEKERJAAN	JANTINA		JUMLAH
		PEREMPUAN	LELAKI	
UMNO	KERAJAAN/AWAM	19	33	52
		30.6%	48.5%	40.0%
	SWASTA	5	10	15
		8.1%	14.7%	11.5%
	SENDIRI	12	9	21
		19.4%	13.2%	16.2%
	PESARA KERAJAAN	7	12	19
		11.3%	17.1%	14.6%
	PESARA SWASTA	-	1	1
		-	1.5%	.7%
	TIDAK BEKERJA	17	2	19
		27.4%	2.9%	14.6%
JUMLAH		62	68	130
		100.0	100.0	100.0
PAS	KERAJAAN/AWAM	17	27	44
		25%	39.7%	32.4%
	SWASTA	14	26	40
		20.6%	38.2	29.4%
	SENDIRI	13	13	26
		19.1%	19.1%	19.1%
	PESARA KERAJAAN	1	2	3
		1.5%	2.9%	2.2%
	TIDAK BEKERJA	23	-	23
		33.8%	-	16.9%
JUMLAH		68	68	136
		100.0	100.0	100.0

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

(-): Tiada data.

Bagi responden lelaki pula sama ada UMNO atau PAS, majoriti merupakan pekerja perkhidmatan awam. Diikuti dengan mereka yang bekerja dalam sektor swasta. Bilangan responden UMNO yang merupakan pesara kerajaan lebih ramai manakala responden PAS pula peratus bekerja sendiri lebih tinggi.

#### 5.1.4. Pendapatan

Perbincangan mengenai jumlah pendapatan, dapat menilai golongan responden wanita dan lelaki yang aktif dalam politik.

Jadual 5.7: Pendapatan Responden Mengikut Parti

KATEGORI PENDAPATAN RESPONDEN	UMNO		PAS		JUMLAH (%)
	PEREMPUAN %	LELAKI %	PEREMPUAN %	LELAKI %	
Tiada Jawapan	8.6	.8	14.9	.7	12.6
Kurang Rm 500	10.2	2.3	9.7	3.0	12.2
RM501-RM1000	10.2	12.5	9.7	12.7	21.8
1001-1500	10.2	23.7	6.0	14.2	25.1
1501-2000	5.5	8.6	5.2	6.0	12.2
2001-2500	.8	.8	.7	2.2	2.2
2501-3000	-	-	.7	.7	.7
3001-4000	.8	-	1.5	3.7	3.0
4001-5000	.8	2.3	-	1.5	2.2
5000 ke atas	.8	2.3	.7	6.0	4.8
JUMLAH	47.9	53.3	49.1	50.9	100.0

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Jumlah pendapatan bagi 13 orang responden sebulan ialah RM5001 ke atas. Hanya 12.6% responden yang berpendapatan RM500 ke bawah dan 12.6% yang lain tidak menyatakan pendapatan bulanan mereka kerana tidak mempunyai pendapatan tetap. Oleh kerana jumlah responden yang mendapat pendapatan 2001 ke atas hanya 12.9% sahaja, maka boleh dikatakan majoriti responden mendapat 2001 ke bawah sebulan iaitu satu jumlah yang berpatutan bagi seseorang yang mempunyai pekerjaan tetap. Bagi surirumah pula, pendapatan yang diperolehi kurang daripada RM500 sebulan merupakan wang perbelanjaan yang diberikan oleh suami atau wang penceh. Terdapat 22.4% responden PAS berpendapatan di antara RM501-1000 manakala 32.8% responden UMNO mempunyai pendapatan antara RM 1001-1500.

Jikalau diteliti taraf pendapatan di antara responden lelaki dan wanita, Jadual 5.7 menunjukkan 24.4% responden wanita tidak mempunyai pendapatan bulanan manakala

ing berpendapatan kurang daripada RM 500 sebulan pula ialah 20.5%. Golongan sponden wanita yang tidak mempunyai pendapatan bulanan merupakan surirumah. Terdapat juga 7.2% responden wanita mempunyai pendapatan bulanan lebih daripada M2001 tetapi jumlah ini adalah kecil berbanding dengan 19.2% responden lelaki. Hanya 5% sahaja responden lelaki yang tidak mempunyai pendapatan bulanan. Di samping itu terdapat 25.1% responden wanita dan lelaki memperolehi di antara RM 1001-1500 bulan.

Jadual 5.8 pula menunjukkan 13.8% golongan wanita yang aktif terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai pendapatan bulanan. Mereka yang berpendapatan di antara RM501-1000 seramai 20.5% dan kurang daripada RM 500 sebulan adalah 19.8%. Golongan wanita yang berpendapatan tinggi iaitu RM1001 ke atas dan aktif hanya 35.7% berbanding dengan yang berpendapatan rendah 64.4%. Ini membuktikan bahawa kedudukan kewangan bukan penentu kepada keaktifan wanita dalam politik. Bagi sponden lelaki pula, golongan yang aktif memperolehi pendapatan RM1500 ke atas tiap bulan. Hanya 26.7% yang berpendapatan RM1000 ke bawah yang aktif dalam politik manakala terdapat juga 12.2% responden lelaki yang berpendapatan RM 5000 ke atas aktif berbanding hanya 1.0% responden wanita. Ini menunjukkan bahawa responden aktif yang aktif dalam politik mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh.

ual 5.8 : Keaktifan Responden Berdasarkan Pendapatan

PENDAPATAN BULANAN	JANTINA		JUMLAH
	PEREMPUAN	LELAKI	
a Jawapan	24	1	25
	23.8	1.1	13.2
RANG RM500	20	5	25
	19.8%	5.6%	13.2%
501-1000	21	18	39
	20.8%	20.2%	20.5%
1001-1500	18	27	45
	17.8%	30.3%	23.7%
1501-2000	11	13	24
	10.9%	14.6%	12.6%
2001-2500	2	3	5
	2.0%	3.4%	2.6%
2501-3000	1	1	2
	1.0%	1.1%	1.1%
3001-4000	2	5	7
	2.0%	5.6%	3.7%
4001-5000	1	5	6
	1.0%	5.6%	3.2%
HH RM5000	1	11	12
	1.0%	12.4%	6.3%
JLAH	101	89	190
	100.0%	100.0%	100.0%

iber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

a: Perincian responden PAS dan UMNO dari Terengganu dan Selangor hanya akan dibuat mengikut keperluan

## 5. Pendidikan

Dasar pendidikan kerajaan telah berjaya membuka peluang yang luas kepada rakyat untuk memajukan diri. Hari ini pendidikan merupakan agen utama yang menentukan masa depan dan hala tuju kehidupan seseorang.

Pada umumnya faktor yang terpenting sekali yang mempengaruhi mobiliti dalam masyarakat ialah pelajaran dan politik dan kedua-keduanya diperolehi secara pencapaian dan tidak semestinya secara wawasan.<sup>8</sup>

Umum beranggapan sekiranya pendidikan seseorang itu tinggi maka mereka akan sifat lebih terbuka terhadap kedudukan kaum wanita. Pendidikan amat penting dalam

<sup>8</sup>ed Husin Ali, **Orang Melayu: Masalah dan Masa Depan**, Kuala Lumpur, Penerbitan Adabi, 1979, . 83.

imbentuk sikap positif sesebuah masyarakat. Menden (1987) menyatakan bahawa perbezaan pendidikan yang diterima oleh ahli-ahli dalam masyarakat membezakan perimaan mereka dalam hal-hal yang berkaitan dengan sosial dan politik.<sup>9</sup> Bagi golongan wanita pula, pendidikan menyebabkan '*....they become more liberal, more erant, or less traditional.*'<sup>10</sup>

Peluang pendidikan yang semakin meluas memberi peluang kepada wanita untuk maju dan didapati golongan profesional semakin ramai melibatkan diri dalam politik melalui parti kerajaan atau parti pembangkang. Peningkatan penglibatan kaum wanita dalam politik selepas merdeka bermula daripada kemajuan dalam pendidikan.<sup>11</sup> Robiah Saidin (2000) mendakwa pendidikan memberi keyakinan dan kemahiran untuk berpolitik kalangan ahli masyarakat.<sup>12</sup> Di samping itu ia juga berjaya mempengaruhi dan memberi kesedaran kepada wanita tentang peranan serta hak-hak mereka dalam masyarakat.

---


Menden, V.F.R., **Politik Negara-negara Membangun**, , Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka 10, m.s. 18-19.

apiro, V., op. cit., m.s. 67

amilah Ariffin, **Women and Development in Malaysia**, m.s. 20.

Robiah Saidin, op. cit., m.s

Rajah 5.3: Taraf Pendidikan Responden Mengikut Parti



Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Statistik menunjukkan 14.3% responden wanita mendapat sekurang-kurangnya Ijazah sarjana muda dan 17.3% mempunyai Diploma. Terdapat 10.5% responden wanita menamatkan persekolahan di tahap sekolah rendah sekurang-kurangnya darjah enam dan 14.3% lagi sehingga ke tahap SRP. Sebanyak 42.1% responden wanita berkelulusan SPM. Peratus responden wanita yang mendapat pendidikan tinggi hingga ke peringkat sekolah menengah ialah 56.4%, Diploma dan Ijazah seramai 31.6% manakala hingga ke tahap sekolah rendah sahaja adalah 10.5%. Bagi responden lelaki pula terdapat 2.2% yang tidak mendapat pendidikan formal tetapi belajar di pondok iaitu 1.5% dan tidak mendapat pendidikan langsung, 0.7%. Di kalangan responden lelaki, 7.4% mendapat pendidikan hanya di peringkat sekolah rendah, 12.6% responden lain menerima pendidikan SRP, 34.8% berkelulusan SPM, 17.8% di peringkat Diploma, 24.5% pula lulusan ijazah muda serta 1.5% mendapat PhD.

Peratus responden lelaki mendapat pendidikan tinggi di peringkat Diploma dan Ijazah muda lebih ramai berbanding dengan responden wanita iaitu 42.3%. Tetapi 47.4% responden lelaki mendapat pendidikan di sekolah menengah. Oleh itu, boleh disimpulkan di sini taraf pendidikan bukanlah faktor utama untuk maju dan aktif dalam politik.

Daripada 271 orang responden, terdapat 3.0% responden PAS tidak mendapat pendidikan formal, 1.5% tidak bersekolah manakala 1.5% yang lain mendapat pendidikan di sekolah pondok. Responden PAS yang mendapat pendidikan sehingga SPM adalah seramai 53.1% sementara 46.9 % responden lain berjaya memperolehi pendidikan formal sehingga ke tahap Diploma ialah 16.3% dan Ijazah sarjana muda seramai 30.4%.

Kesemua responden UMNO mendapat pendidikan formal dari peringkat sekolah rendah hingga ke universiti malah 1.5% mempunyai kelulusan doktor falsafah. 13.5% mendapat pendidikan formal sekurang-kurangnya habis sekolah rendah, 13.5% di tahap SRP dan 43.6% lulusan SPM. Responden UMNO yang berjaya mendapat pendidikan sehingga ke peringkat Universiti atau institusi yang lain iaalah seramai 27.1%, di peringkat Diploma seramai 18.8% dan 8.3% lagi mendapat ijazah sarjana muda.

Jadual 5.9: Taraf Pendidikan Responden Selangor dan Terengganu

TARAF PENDIDIKAN	SELANGOR %	TERENGGANU %
SEKOLAH RENDAH	12.0	9.1
SRP	12.0	16.7
SPM	40.3	43.9
DIPLOMA	20.9	13.6
IJAZAH	15.0	13.6
JUMLAH	100.0	100.0

Sumber: Data Kajian Penulis (2000)

Apabila dibandingkan di antara responen wanita daripada Terengganu dan Selangor, didapati responden wanita Selangor mempunyai taraf pendidikan yang lebih tinggi dari peringkat diploma hingga ijazah iaitu 36.5% berbanding responden daripada Terengganu hanya 27.3%. Selain itu, peratus wanita PAS yang mempunyai ijazah juga lebih tinggi, 15.6% berbanding dengan wanita UMNO. Ini mungkin disebabkan perkembangan kebangkitan Islam di kalangan golongan terpelajar yang kemudiannya terpengaruh untuk menyertai PAS kerana ideologi parti tersebut. Tambahan pula di dalam DMP, masih banyak lagi kekosongan jawatan yang perlu diisi dan dengan kemasukan golongan terpelajar ini maka mereka dilihat sebagai golongan yang mampu untuk menarik lebih ramai ahli masyarakat menyertainya. Ini sekaligus memberi gambaran baru bahawa PAS sudah berjaya menarik golongan berpendidikan untuk menyertainya. Secara tidak langsung ia membuktikan juga bahawa taraf pendidikan yang tinggi menjamin seseorang individu itu menjadi pelaku politik yang aktif.

Mengikut sejarah golongan yang bertungkus lumus memperjuangkan kebebasan kaum wanita dan membawa mereka kepada penghidupan yang lebih baik ialah dari kalangan bangsawan dan orang berada yang mendapat pendidikan tinggi. Rafidah Aziz, Azalina Othman Said, Dr. Siti Zaharah dan Napsiah Omar<sup>13</sup> misalnya, mempunyai pengalaman dalam bidang profesional sebelum menceburkan diri dalam politik. Malah ada di antara golongan pemimpin atasan Muslimat PAS seperti Fatimah Ibrahim,<sup>14</sup> Dr. Lo' Lo' dan Dr. Siti Mariah mendapat pendidikan di peringkat tinggi. Dr. Lo' Lo'

---

<sup>13</sup> Rafidah Aziz merupakan bekas pensyarah ekonomi di Universiti Malaya, Azalinah Othman pula seorang peguam, Dr. Siti Zaharah bekas pensyarah di UKM, Napsiah Omar pelajar lulusan Universiti di Australia.

<sup>14</sup> Puan Fatimah Ibrahim merupakan Ketua Muslimat Terengganu.

merupakan antara golongan profesional yang paling awal melibatkan diri dengan PAS.<sup>15</sup>

Jelasnya golongan wanita berpendidikan yang terlibat dalam politik bukan hanya didorong oleh keluarga atau suami tetapi atas kesedaran.

Perbezaan pendidikan yang diterima oleh anggota masyarakat sudah tentu membezakan penerimaan serta pandangan mereka dalam hal-hal yang berkaitan dengan politik. Tahap pendidikan yang diterima oleh responden menjadi penentu kepada penglibatan dan sikap politik mereka. Begitu juga dengan peluang untuk maju atau mencapai kedudukan adalah bergantung kepada tahap pendidikan seseorang itu. Senario terkini ialah kerjaya politik Azalina Othman. Beliau merupakan seorang peguam yang aktif memperjuangkan nasib wanita Melayu malah diberi kepercayaan oleh pemimpin tertinggi UMNO untuk menduduki kerusi Majlis Tertinggi UMNO. Ini bukan saja memberi pengiktiran kepada kaum wanita tetapi memperlihatkan golongan yang berpendidikan akan berpeluang memperolehi kedudukan tinggi dengan lebih cepat.

Proses kenaikan Azalina Othman dalam UMNO adalah berbeza dengan wanita-wanita UMNO<sup>16</sup> yang lain. Ini kerana daripada ahli biasa beliau terus dilantik menjadi ahli Majlis Tertinggi UMNO. Golongan yang kurang berpendidikan terpaksa bertungkus lumus bersaing dengan kaum lelaki untuk dilantik sebagai ketua cawangan seterusnya menjadi sebahagian perwakilan negeri sebelum menunggu bertahun-tahun lagi untuk dilantik menganggotai Exco PWU.<sup>17</sup> Kebanyakan golongan terpelajar menguasai

<sup>15</sup> Noorzila Jalaludin , "Kepimpinan Wanita Tiada Tandingan", *Al-Islam*, Ogos 2000, m.s. 25.

<sup>16</sup> Tidak dinafikan terdapat tokoh-tokoh wanita UMNO lain yang memperolehi kedudukan di dalam parti dengan mendadak tetapi pengkaji menggunakan Azalina Osman sebagai contoh. Ini adalah mengikut perkembangan terbaru parti.

<sup>17</sup> Temubual dengan Puan Gholiah di Perhimpunan Agung UMNO pada 11 Mei 2000.

kepimpinan parti terutama bahagian sayap wanita. Ini menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan orang-orang bawahan yang bertungkus lumus memperkuatkan parti. Ini diakui sendiri oleh Senator Kamariah@ Siti Hawa yang mempersoalkan sikap golongan muda terpelajar yang enggan bermula dari bawah.<sup>18</sup> Malah menurut beliau, kebanyakannya daripada mereka cenderung memasuki UMNO untuk memegang jawatan di dalam parti tanpa mengambil kira masalah yang dialami oleh golongan bawahan.<sup>19</sup>

Walaupun berpendidikan tinggi tetapi mereka (wanita) perlu melibatkan diri bermula dengan cawangan. Dengan itu mereka bukan sahaja dapat memperolehi kepercayaan pemimpin tetapi juga golongan orang bawahan.<sup>20</sup>

Hal ini berlaku di kalangan ahli wanita dan ahli lelaki. Persaingan antara golongan terpelajar dan ‘orang-orang lama’ dalam parti menyebabkan kaum wanita akan terus terbelakang. Ini kerana kaum wanita bukan sahaja terpaksa bersaing dengan golongan lelaki yang bercita-cita tinggi dalam politik tetapi juga daripada golongan wanita muda yang berkelulusan dan berpendidikan tinggi.

Permasalahan lebih ramai golongan terpelajar menganggotai parti dan memegang jawatan tanpa dibekalkan dengan pengalaman bukan sahaja melanda PWU tetapi juga DMP. Menurut beberapa pemimpin wanita PAS,<sup>21</sup> kemasukan golongan profesional atau golongan terpelajar dalam PAS adalah satu petanda yang baik kerana mereka dapat membantu antara satu sama lain. Ia menunjukkan bahawa kesedaran dan pandangan masyarakat terhadap politik amnya dan PAS khususnya sudah berubah. Namun golongan

---

<sup>18</sup> Temubual dengan Senator Kamariah @ Siti Hawa di Parlimen pada 20 April 2000.

<sup>19</sup> Temubual dengan Puan Gholiah dan Puan Rokiah di Perhimpunan Agung UMNO pada 11 Mei 2000.

<sup>20</sup> Temubual dengan Senator Kamariah@ Siti Hawa di Parlimen pada 20 April 2000.

terpelajar ini perlu membuat rujukan kepada kepimpinan lama apabila mengadakan sebarang aktiviti. Ini untuk memastikan sama ada program yang ingin dijalankan itu sesuai dengan wadah yang dibawa oleh PAS. Perkara inilah yang menimbulkan perselisihan faham di antara kepimpinan lama dan baru.

Kebanyakan ahli walaupun tidak terpelajar tetapi mempunyai pengalaman dan kebolehan yang menyebabkan mereka dihormati. Mereka telah arif tentang masalah yang dialami oleh parti kerana mempunyai pengalaman sebagai ahli yang bermula dari peringkat bawah hingga ke atas. Walau bagaimanapun, kemasukan dan penerimaan golongan terpelajar ke dalam pergerakan kaum wanita sama ada UMNO atau PAS membawa kebaikan untuk parti. Ini kerana ia menolong memperbaiki gerak kerja serta memantapkan lagi organisasi parti.


#### **5.1.5. Status Perkahwinan**

Status perkahwinan bagi seorang wanita dianggap membataskan penglibatan dalam politik. Tanggungjawab sebagai seorang isteri mengikat wanita Melayu dengan kerja-kerja domestik. Tambahan pula sekiranya suri rumah tersebut mempunyai anak. Maka masyarakat Melayu akan meletakkan tanggungjawab yang berat kepada seorang wanita agar dapat membawa peranan mereka sebagai seorang isteri dan ibu yang baik.<sup>22</sup> Oleh itu, angkubah ini digunakan untuk mengenalpasti sejauhmana ia mempengaruhi keterlibatan responden wanita dalam politik.

---

<sup>21</sup> Temubual dengan Puan Hamidah Daud dan Puan Mariam Taib di Wisma Daruliman, Terengganu pada 26 Julai 2000, Puan Wan Hasrina di Markas PAS Ampang Jaya pada 12 Julai 2000 dan Puan Zaironi Othman di Markas PAS Kuala Terengganu pada 9 Mei 2000.

Rajah 5.4: Bilangan Responden Mengikut Status Perkahwinan



Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Majoriti responden iaitu 88.9%, lelaki dan wanita telah berkahwin. Daripada jumlah ini, 91.9% adalah responden PAS dan 85.8% responden UMNO. Terdapat seorang responden UMNO yang tidak menyatakan status perkahwinannya.<sup>23</sup> Manakala 7.0% responden masih belum berkahwin, seramai 3.7% berstatuskan janda atau duda iaitu 6.0% adalah responden UMNO dan 1.5% responden PAS. Responden lelaki PAS yang berkahwin adalah 46.7%, wanita PAS pula 45.9%, lelaki UMNO ialah 45.9% dan wanita UMNO seramai 39.3%.

Peratus responden sudah berkahwin yang tinggi merupakan satu kemudahan kepada kajian. Ini kerana penekanan diberi kepada permasalahan berkaitan dengan peranan tradisional wanita sebagai isteri dan ibu dan penglibatan mereka dalam politik.

<sup>22</sup> Noorzila Jalaludin , "Kepimpinan Wanita Tiada Tandingan", *Al-Islam*, Ogos 2000, m.s. 20-22.

<sup>23</sup> Penulis agak sukar untuk mendapatkan maklumat mengenai latar belakang ketiga-tiga orang responden ini. Mereka sudi untuk di temubual tetapi agak keberatan menjawab soalan-soalan yang berbentuk peribadi.

Peranan sebagai seorang suri rumah tangga yang perlu melakukan kerja-kerja domestik serta menjaga kebajikan institusi keluarga terutama dalam konteks kehidupan masyarakat Melayu, merupakan antara faktor utama kenapa kurangnya pembabitan wanita dalam politik. Kajian oleh Khadijah Mohamed (1969) menunjukkan bahawa kaum lelaki pada sekitar tahun 60-an jarang melibatkan diri dalam kerja-kerja domestik seperti memasak dan menjaga kebajikan rumah tangga.<sup>24</sup> Sapiro (1980) menegaskan bahawa,

*Homemaking has often been held responsible for women's low level of participation and what are seen as parochial issue stands. The homemaker is also the women who most closely approximates cultural expectations made of women, and therefore is expected also to perform in the political system stereotyped ways.<sup>25</sup>*

Kesetiaan kaum wanita terhadap kaum lelaki berlarutan hatta di dalam politik itu sendiri. Malah di peringkat awal penglibatan kaum wanita dalam politik, mereka merupakan penyokong yang kuat terhadap perjuangan suami di dalam sesebuah parti politik itu. Maka, sesebuah parti menjadi pilihan suami berkemungkinan besar ia juga menjadi pilihan isterinya.

Daripada jadual 5.10, kesemua responden wanita didapati menyertai parti yang dianggotai oleh suami. Di kalangan responden lelaki pula ada yang mempunyai pasangan daripada parti berlainan, 7% responden lelaki UMNO mempunyai pasangan yang menjadi ahli PAS manakala 2.4% responden lelaki PAS mempunyai pasangan yang menggantai parti UMNO. Mengikut maklumat yang diperolehi, responden lelaki tidak menganggotai parti yang sama dengan isteri. Kedua, pasangan responden lelaki UMNO memilih untuk memasuki PAS setelah pilihanraya ke10 pada November 1999. Manakala bagi

---

<sup>24</sup> Khadijah Muhammed, "Wanita Melayu dan Pekerjaan", Tesis Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1969, m.s. 177.

responden lelaki PAS pula, mereka pada asalnya merupakan ahli UMNO tetapi telah menukar keahlian semasa pilihanraya yang sama. Kesimpulannya, 47.4% responden wanita PAS mempunyai suami yang menjadi ahli parti yang sama tetapi bagi responden lelaki PAS pula, .7% mempunyai isteri yang menjadi ahli parti UMNO dan Keadilan.

Bagi responden UMNO pula, didapati 8.1% responden wanita UMNO tidak menyatakan keanggotaan pasangan kerana belum berkahwin atau sudah menjanda. Namun begitu, kesemua responden wanita UMNO yang berkahwin mempunyai suami yang menyertai parti yang sama. Terdapat 9.6% responden UMNO yang pasangan tidak menyertai mana-mana parti. Manakala responden PAS pula 7.4% tidak menyatakan parti yang dianggotai oleh pasangan masing-masing.


Jadual 5.10: Keahlian Parti Antara Responden dan Pasangan

JANTINA	PARTI YANG DISERTAI OLEH PASANGAN	RESPONDEN		JUMLAH
		UMNO	PAS	
PEREMPUAN	Tiada Jawapan	11	5	16
		8.1%	3.7%	11.9%
	UMNO	55	0	55
		40.7%	0	40.7%
	PAS	1	64	64
		.7	47.4%	47.4%
	Jumlah	66	69	135
LELAKI	Tiada Jawapan	2	5	7
		1.5%	3.7%	5.1%
	UMNO	64	1	65
		47.1%	.7%	47.8%
	PAS	2	61	63
		1.5%	44.9%	46.3%
	KEADILAN	0	1	1
Jumlah		0	.7%	.7%
		68	68	136
		50.0%	50.0%	100.0%

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

<sup>25</sup> Sapiro, V., op. cit., m.s. 71.

Rajah 5.5: Bilangan Responden Yang Mempunyai Anak



Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

(\*): Responden belum berkahwin

Seramai 85.9% daripada keseluruhan responden lelaki dan perempuan mempunyai anak. Bilangan 11.9% responden yang tidak mempunyai anak dan 2.2% yang tidak memberi jawapan adalah di atas dua kemungkinan iaitu responden sememangnya tidak mempunyai anak atau kerana responden belum berkahwin. Bilangan responden yang belum berkahwin dalam kajian ini ialah seramai 19 orang.

Maklumat yang diperolehi di atas menyenangkan kerja-kerja penyelidik untuk menganalisa data. Majoriti responden yang sudah berkahwin mempunyai anak. Oleh itu bagi responden wanita, perkaitan di antara peranan sebagai seorang ibu dan isteri dengan penglibatan mereka dalam politik amat kuat. Penyelidik akan dapat membuat satu gambaran secara umum mengenai ketidaksamaan gender dan hubung kaitnya dengan peranan tradisional wanita berdasarkan maklumat yang dikumpul daripada para responden.

Jadual 5.11: Keaktifan Responden Mengikut Bilangan Anak

ADAKA TUAN SEORANG AHLI PARTI YANG AKTIF	JANTINA	BILANGAN ANAK			JUMLAH
		0	Tiada	Ada	
TIADA JAWAPAN	PEREMPUAN	1	-*	-*	1
		100.0%	-*	-*	100.0%
YA	PEREMPUAN	2	13	91	1.6
		1.0%	6.6%	46.4%	100.0%
	LELAKI	1	11	78	90
		.5%	5.6%	39.8%	100.0%
	JUMLAH	3	24	169	196
		1.5%	12.2%	86.2%	100.0%
TIDAK	PEREMPUAN	-*	3	23	26
		-*	4.2%	32.4%	100.0%
	LELAKI	2	5	38	45
		2.8%	7.0%	53.5%	100.0%
	JUMLAH	2	8	61	71
		2.8%	11.3%	85.9%	100.0%

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

(\*): Tiada data kerana soalan tidak berkaitan dengan responden

Peratus responden wanita yang mempunyai anak dan merupakan seorang ahli parti yang aktif adalah lebih tinggi iaitu 46.4% berbanding dengan 39.8% responden lelaki. Ini menunjukkan bahawa, responden wanita yang mempunyai anak boleh bergiat secara aktif dalam politik. Walaupun responden wanita perlu menimbang di antara tanggungjawab sebagai ibu dan kerjaya politik, tetapi mereka masih dapat memberi komitmen sepenuhnya kepada politik. Bagi kaum lelaki pula peluang untuk bergiat aktif lebih terbuka kerana mereka mempunyai isteri yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga hal ehwal keluarga.

## **5.2. Faktor-Faktor Yang Mendorong Penglibatan Wanita Melayu Dalam Politik**

Antara persoalan menarik mengenai penglibatan wanita dalam politik ialah faktor-faktor yang menyebabkan mereka kurang aktif atau kurang berminat untuk mengambil tahu tentang politik. Atau mereka berminat tetapi tidak berpeluang melibatkan diri secara serius kerana halangan-halangan yang tertentu. Kajian yang dilakukan oleh Verba, Nie, Kim & Shabad dalam tahun 1976, menunjukkan bahawa antara faktor yang membataskan penglibatan wanita dalam politik ialah kurangnya sumber sosio-ekonomi seperti pendidikan serta penglibatan yang tidak menyeluruh kerana kurang berminat serta kurang keberkesanan peranan wanita dalam bidang ini.<sup>28</sup> Manakala bagi penulis tempatan pula kebanyakannya mengaitkan ketidakaktifan wanita Melayu kerana persepsi masyarakat yang mengikat wanita dengan peranan-peranan yang tertentu dalam lingkungan arena domestik.<sup>29</sup>

Jadual 5.12 menunjukkan 52.4% responden lelaki dan wanita yang berkecimpung dalam politik adalah didorong oleh faktor dalaman iaitu minat dan kesedaran. Manakala 12.2% kerana pasangan, 8.1% pengaruh kawan-kawan dan 10.3% pula disebabkan oleh keluarga. Statistik juga menunjukkan, 3.3% responden lelaki dan wanita mengatakan keadaan dan isu-isu semasa sebagai faktor dorongan dan 13.7% terbabit kerana kombinasi<sup>30</sup> faktor-faktor di atas.

<sup>28</sup> Sapiro,V., op.cit., m.s. 85-87.

<sup>29</sup> Sila lihat rujukan mengenai perkara ini dalam penulisan Jamilah Ariffin, "Malaysian Attitudes Towards Women's Role in Society"; Rashila Ramli "Pembangunan Politik an Gender"; dan Kamilia Ibrahim 'The Involvement of Malay Women In Politics'.

<sup>30</sup> Kombinasi faktor ini merupakan gabungan di antara faktor minat dengan pengaruh keluarga atau pengaruh pasangan.

Jadual 5.12: Faktor-Faktor Yang Mendorong Responden Berkecimpung Dalam Politik Mengikut Jantina

FAKTOR YANG MENDORONG	PEREMPUAN (%)	LELAKI (%)	JUMLAH (%)
MINAT	48.8	55.8	52.4
ISTERI/SUAMI	16.3	8.1	12.2
PENGARUH KELUARGA	12.6	8.1	10.3
PENGARUH KAWAN	5.2	11.0	8.1
KEADAAN SEMASA	3.0	3.7	3.3
KOMBINASI	14.1	13.2	13.7
JUMLAH	100.0	100.0	100.0

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Bagi responden wanita, 48.8% mengatakan mereka menyertai politik ialah kerana minat dan kesedaran. Ianya timbul hasil daripada pendidikan, status keluarga atau pengaruh suasana sekeliling yang akan dibincangkan lebih lanjut dengan merujuk kepada jadual 5.14. Terdapat 16.3% responden wanita berkecimpung kerana pengaruh suami manakala 12.6% pula menyatakan keluarga sebagai faktor utama untuk terlibat dalam politik. Pengaruh kawan dan keadaan semasa bukan merupakan pendorong utama bagi responden wanita. Manakala 55.8% responden lelaki mengatakan minat dan kesedaran sebagai pendorong utama. Terdapat 13.2% terlibat kerana minat serta pengaruh keluarga, 11.0% kerana pengaruh rakan-rakan dan 16.2% kerana keluarga dan keadaan semasa.

Didapati peratus responden wanita yang terlibat kerana pengaruh keluarga lebih tinggi daripada responden lelaki manakala peratus pengaruh kawan pula lebih tinggi bagi kaum lelaki. Statistik juga menunjukkan faktor dalaman seperti minat dan kesedaran

mempunyai pengaruh yang lebih tinggi kepada para responden untuk menyertai politik berbanding dengan faktor luaran seperti pengaruh pasangan, keluarga atau kawan-kawan.

Apabila dikaji dengan lebih terperinci, 42.7% responden PAS lelaki dan wanita mencebur politik kerana minat dan 16.1% kerana dorongan suami atau isteri. Hanya 6.6% responden PAS yang terlibat kerana pengaruh keluarga. Bagi 54.9% responden UMNO, minat juga merupakan faktor utama mendorong mereka untuk bergiat dalam politik manakala 14.6% pula dipengaruhi oleh ahli keluarga.<sup>31</sup> Jumlah responden UMNO yang terlibat dalam politik kerana pengaruh suami atau isteri adalah kecil iaitu 3.1% tetapi kerana pengaruh kawan-kawan lebih ramai iaitu 10.4%.

Bagi responden lelaki sama ada UMNO atau PAS, majoriti menyatakan bahawa minat merupakan faktor utama yang mendorong mereka untuk berkecimpung dalam politik. Menurut seorang wakil rakyat PAS, minat untuk berpolitik lahir melalui kesedaran yang dipupuk bagi membela dan melakukan sesuatu untuk memperbaiki percaturan politik Malaysia bagi menjamin nasib rakyat yang tertindas mengikut ajaran Islam.<sup>32</sup> Kenyataan ini disokong oleh hampir kesemua pemimpin PAS baik lelaki maupun perempuan yang ditemubual. Menurut seorang pemimpin tertinggi Muslimat PAS, hanya melalui politik sahajalah wadah untuk menegakkan hukum Islam akan terlaksana.<sup>33</sup> Mereka berpendapat UMNO tidak serius dalam melaksanakan Undang-

<sup>31</sup> Ahli keluarga termasuk datuk, nenek, ibu, bapa, abang, kakak, adik, adik beradik sebelah bapa dan ibu termasuk sepupu.

<sup>32</sup> Temubual dengan YB Datuk Fadhil Noor, Presiden Parti Islam Semalaysia di Parlimen pada 28 Februari 2000.

<sup>33</sup> Temubual dengan Setiausaha Penerangan Muslimat PAS Terengganu iaitu Puan Mariam Tahir di Wisma Daruliman, Terengganu pada 26 Julai 2000.

undang Islam dan hanya mementingkan pembangunan lahiriah. Pandangan sedemikian daripada parti lawan bukan sesuatu yang mengejutkan. Para pemimpin UMNO yang ditemubual mengatakan, UMNO juga menitikberatkan pembangunan selaras dengan tuntutan Islam. Aminuddin Mohd Yusof (1993) berpendapat oleh kerana ideologi dan nilai-nilai ahli PAS dan UMNO adalah berbeza maka pendekatan mereka kepada sesuatu isu juga berbeza.<sup>34</sup> Ahli UMNO lebih halus dan diplomatik manakala ahli PAS pula lebih lantang dan asertif. Bagi PAS, dalam melaksanakan nilai-nilai Islam mereka inginkan perubahan yang radikal tetapi UMNO pula lebih konservatif.<sup>35</sup>

Terdapat 8.1% responden lelaki dan wanita yang melibatkan diri dalam politik kerana pengaruh kawan. Malvin (1986) dalam kajiannya di Sungai Raya berhubung dengan sikap politik kaum wanita menyatakan bahawa kebanyakan wanita yang menyertai politik, terpengaruh dengan kawan-kawan untuk terlibat tanpa mengetahui dengan jelas tujuan dan matlamat perjuangan parti tersebut.<sup>36</sup> Maka penglibatan golongan wanita ini bukan kerana kesedaran tentang kepentingan berpolitik tetapi tekanan daripada keadaan sekeliling iaitu daripada kawan-kawan untuk berpolitik. Bagaimanapun penemuan penting dalam kajian ini ialah, minat dan kesedaran menjadi faktor utama yang mendorong responden wanita dan lelaki untuk melibatkan diri dalam politik.

<sup>34</sup> Aminuddin Mohd Yusof, "Melayu UMNO, Melayu PAS: Manifestasi Dua Personaliti", dalam Wan Hasyim Wan Teh (pnyt), **UMNO Dalam Arus Perdana Kebangsaan**, Kuala Lumpur, Mahir Publications, 1993, m.s. 95-97.

<sup>35</sup> Ibid.

<sup>36</sup> Marvin, L., Rogers, **op. cit.**, m.s 334-337

Jadual 5.13: Faktor-Faktor Yang Mendorong Responden Wanita Berkecimpung Dalam Politik Mengikut Parti dan Negeri

FAKTOR YANG MEDORONG	TERENGGANU %			SELANGOR %			JUMLAH %	
	PAS	UMNO	JUMLAH	PAS	UMNO	JUMLAH	PAS	UMNO
MINAT	21.2	31.8	50.0	7.3	30.4	47.7	28.5	62.6
ISTERI/SUAMI	15.2	3.0	18.2	8.7	5.8	14.5	23.9	8.8
PENGARUH KELUARGA	4.5	9.1	13.6	4.3	7.2	12.5	8.8	16.3
PENGARUH KAWAN	0	4.5	4.5	2.9	2.9	5.8	2.9	7.4
KEADAAN SEMASA	0	1.5	1.5	4.3	0	4.3	4.3	1.5
KOMBINASI	10.6	1.5	12.1	11.6	4.3	15.9	22.2	5.8

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Selain daripada itu, dalam kajian ini, peratus wanita PAS yang terlibat dalam politik kerana dorongan suami lebih tinggi daripada wanita UMNO iaitu 11.9%. Namun, faktor keluarga atau pengaruh politik keluarga memainkan peranan penting untuk mempengaruhi 8.1% wanita UMNO. Jelasnya peratus wanita PAS yang terpengaruh dengan suami lebih tinggi mempunyai kaitan dengan penemuan awal dalam kajian ini bahawa kesemua responden wanita PAS menganggotai parti yang disertai oleh suami mereka. Maka ini menjustifikasikan faktor yang mendorong wanita terlibat dalam politik ialah suami. Tambahan pula di kalangan muslimat PAS sendiri mendakwa, peranan isteri yang utama ialah sebagai penyokong setia suami. Justeru itu perjuangan suami merupakan perjuangan mereka juga. Ini membentarkan dakwaan bahawa kemajuan wanita dalam bidang politik berkait rapat melalui hubungan mereka dengan kaum lelaki.

Sapiro (1981) mengemukakan bahawa status wanita barat berubah setelah berkahwin kerana wanita yang bersuami akan dikenali dengan nama keluarga suami.<sup>37</sup> Wanita juga akan memperolehi status sosial-ekonomi melalui perkahwinan dan kedudukannya dinilai berdasarkan kepada kedudukan suami. Ini adalah kerana “*recruitment to marital status and female adult identity is based in principle on ascribed status rather than achieved status, ascription has a greater impact on women's identities and values than on men's*”.<sup>38</sup> Wanita lebih mudah akur kepada status yang telah ditentukan kepada mereka dalam struktur sosial berbanding dengan lelaki. Tambahan pula selepas berkahwin, wanita bergantung kepada suami bukan sahaja dari segi psikologi tetapi juga ekonomi. Oleh itu mereka melihat ketaatan kepada suami sebagai kepentingan bagi menjaga kedudukan mereka dalam sesebuah perkahwinan.

Dapatan kajian dalam jadual 5.13 juga menunjukkan bahawa peratus responden WPT yang terlibat kerana dorongan suami dan minat lebih tinggi iaitu 15.2% dan 19.7% berbanding dengan responden WPS. Manakala bagi wanita UMNO sama ada dari Selangor atau Terengganu, faktornya ialah minat. Ini menunjukkan tidak ada perbezaan yang ketara antara responden WUT atau WUS mengenai faktor yang mendorong mereka terlibat dalam politik.

---

<sup>37</sup> Sapiro,V., op.cit., m.s. 68.

<sup>38</sup> Ibid.

Jadual 5.14: Taburan Min Faktor yang Mempengaruhi Minat Responden

Faktor-faktor Yang Mempengaruhi	Perempuan	Kedudukan	Lelaki	Kedudukan
Galakan daripada ibubapa	5.14	6	4.21	4
Kesedaran timbul melalui pendidikan yang diterima	3.07	2	3.66	2
Melalui media	4.44	4	4.89	6
Semangat untuk turut terlibat dalam politik	3.40	3	3.67	3
Suasana tempat kerja yang terdedah kepada perbincangan politik	5.41	7	5.10	7
Personaliti pemimpin parti politik	4.71	5	4.37	5
Kepercayaan bahawa agama dan politik tidak dapat dipisahkan	3.04	1	3.44	1

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Nota: Perincian responden PAS dan UMNO dari Terengganu dan Selangor hanya akan dibuat mengikut keperluan

Mengikut kajian ini, tiada perbezaan yang besar antara responden lelaki dan responden wanita dari segi min faktor yang mempengaruhi minat mereka dalam politik. Min menunjukkan kepercayaan bahawa politik dan agama tidak dapat dipisahkan merupakan faktor utama yang mempengaruhi responden wanita. Manakala bagi responden lelaki pula, mereka berpendapat pengetahuan tentang agama mendorong untuk berkecimpung dalam politik.

Responden wanita percaya faktor media turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi minat mereka. Tetapi bagi kaum lelaki perbincangan yang sering berlaku di antara ibubapa menyebabkan mereka berminat untuk berpolitik. Personaliti pemimpin parti bukan satu faktor yang utama sebaliknya suasana di tempat kerja yang menjadi medan perbincangan politik di antara teman sepejabat mempengaruhi responden lelaki dan wanita.

Kesimpulannya, kajian kes ini menunjukkan terdapat perbezaan dari segi keutamaan faktor-faktor yang mempengaruhi wanita PAS dan wanita UMNO dalam politik. Bagi wanita PAS, selain daripada pengaruh suami, minat juga lahir setelah mendapat pendedahan melalui pendidikan. Sememangnya pendidikan memberi kesan ke atas kesedaran wanita UMNO. Maka ini menyokong data yang diperolehi yang menunjukkan bahawa kebanyakan responden wanita PAS mula terlibat dengan politik melalui pendedahan yang diterima semasa dalam alam persekolahan sama ada di peringkat menengah atau tinggi. Di samping itu, pengetahuan mengenai Islam juga banyak mempengaruhi minat wanita PAS terutama menyentuh soal sikap dan pandangan terhadap politik. Dua faktor ini menunjukkan perbezaan yang ketara tentang keutamaan pengaruh politik wanita UMNO dan PAS.

Wanita UMNO menceburkan diri bukan kerana pengaruh suami atau keluarga tetapi lebih ter dorong kerana minat melalui kesedaran tentang kepentingan politik. Ini sekaligus menolak andaian bahawa wanita UMNO bergantung kepada saudara mara lelaki untuk terlibat dalam politik dan mendapat tempat yang selesa. Ini turut menyokong penemuan Wazir Jahan Karim (1993) yang menunjukkan bahawa responden wanita terlibat dalam politik kerana minat yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk ingin membuktikan kejayaan diri sendiri dalam politik.<sup>39</sup>

---

<sup>39</sup> Wazir Jahan Karim, "Women in Politics", m.s. 111-113.

### **5.2.1. Pengaruh Keluarga**

Jadual 5.13 dan 5.14 menunjukkan peratus responden wanita dalam kajian ini yang terlibat dalam politik kerana pengaruh keluarga atau pengaruh suami adalah lebih tinggi daripada responden lelaki. Hanya 8.1% responden lelaki terpengaruh untuk menyertai bidang ini kerana keluarga atau isteri. Sementara itu peratus wanita PAS yang terlibat kerana dipengaruhi suami adalah lebih tinggi daripada wanita UMNO iaitu 8.8%. Manakala 13.3% wanita UMNO yang terpengaruh dengan keluarga untuk berkecimpung dalam politik adalah lebih tinggi berbanding dengan wanita PAS. Faktor keluarga dari segi pewarisan suami atau bapa merupakan pendorong kepada ahli politik wanita untuk terlibat dalam politik berbanding dengan responden lelaki.

Jika ditinjau di peringkat kepimpinan, sejak merdeka hingga hari ini, terdapat ramai ahli politik wanita yang terlibat kerana pengaruh keluarga. Wan Azizah merupakan contoh wanita tempatan yang menceburkan diri dalam politik kerana suami. Dalam konteks penglibatan beliau, suami merupakan '*driving force*' kepada aktiviti politiknya. Tetapi bagi sesetengah wanita yang lain suami hanya berperanan sebagai penyokong dan pembantu kepada aktiviti politik. Contohnya seperti YB wanita Sepang, YB Khamsiah Yeop dan bekas senator Kalthom Othman. Selain daripada itu, Puan Zaironi serta Puan Fatimah Ibrahim antara contoh wanita tempatan yang bergerak bersama-sama dengan suami dalam barisan kepimpinan parti. Senator Jamilah Ibrahim<sup>40</sup> mengatakan penglibatan beliau dalam politik adalah didorong oleh kesedaran bahawa kaum lelaki sahaja tidak boleh menjalankan kesemua tugas-tugas politik di atas sifat kelakian mereka

---

<sup>40</sup> Temubual dengan Senator Jamilah Ibrahim di Parlimen pada 19 April 2000.

tetapi mesti disokong oleh kaum wanita. Beliau menegaskan pentingnya persamaan antara lelaki dan perempuan dalam melaksanakan tanggungjawab politik. Namun begitu sebagai adik ipar kepada Presiden PAS, maka sudah tentu kedudukannya itu memudahkan beliau untuk mengembangkan kerjayanya dalam politik PAS.

Institusi keluarga merupakan institusi paling awal yang mempengaruhi sikap seseorang individu dalam mempelajari peranan-peranan institusi sosial yang lain dalam masyarakat. Dalam kajiannya di Jamaica dan Amerika, Kenneth (1969) mendapati, institusi keluarga menolong memperkenal dan menyampaikan identifikasi parti politik dengan lebih mudah.<sup>41</sup> Ini disokong oleh Dawson dan Prewitt (1969) yang berpendapat, keluarga merupakan agen utama dalam membina asas ketaatan politik dan pertalian terhadap sistem politik.<sup>42</sup> YB. Dato' Napsiah Omar<sup>43</sup> menyatakan, walaupun minat beliau terhadap politik dipupuk semasa melanjutkan pelajaran di Australia tetapi keluarganya sendiri merupakan ahli UMNO yang aktif. YB dari Negeri Sembilan ini mengakui bahawa kesedaran beliau adalah berikutan dengan pendedahan dan penglibatan ayahnya seorang kakitangan kerajaan, yang mempunyai kesedaran yang tinggi tentang kepentingan politik orang Melayu. Di samping itu, ibunya juga terlibat secara langsung dengan proses menuntut kemerdekaan dari penjajah. Malah menurutnya lagi, keluarga beliau memberi galakan yang sepenuhnya walaupun beliau seorang perempuan.

---

<sup>41</sup> Langton, Kenneth, **Political Socialisation**, New York, Oxford University Press, 1969, m.s. 21-23.

<sup>42</sup> Dawson, R. E., & Kenneth Prewitt, **Political Socialisation**, Boston, Little Brown and Company, 1969, m.s. 105-110.

### **5.2.2. Peristiwa yang Mendorong Kepada Penglibatan Politik**

Menurut 52.6% responden lelaki dan 51.1% responden wanita dalam kajian ini, kesedaran untuk memainkan peranan dalam politik dan bukan sebagai pemerhati mendorong mereka dalam bidang ini. Jika dilihat dengan lebih terperinci, terdapat perbezaan peristiwa yang membawa kepada penglibatan responden lelaki dan wanita dalam bidang ini. Bagi responden lelaki, antara peristiwa yang mempengaruhi kesedaran dan minat mereka dalam politik 8.1% mengatakan pendedahan dan pengalaman yang diterima di tempat kerja, pendedahan semasa berada dalam persatuan-persatuan belia, 13.3%, serta pengaruh keluarga iaitu 6.7%. Manakala bagi wanita pula, 8.3% menyedari bahawa agenda untuk kaum wanita boleh dilakukan secara lebih berkesan melalui politik, 10.5% kerana pendedahan dalam persatuan belia dan 6.0% kerana pengaruh keluarga. Hanya 5.3% responden wanita yang terlibat kerana mempunyai masa lapang setelah tanggungjawab di rumah menjadi ringan.

---

<sup>43</sup> Temuramah dengan YB. Napsiah Omar di Parlimen pada 10 April 2000.

Jadual 5.15: Peristiwa Yang Mendorong Responden Terlibat Dalam Politik

PERISTIWA YG MENDORONG	JANTINA		JUMLAH
	PEREMPUAN %	LELAKI %	
Pengalaman yang diperolehi dalam persatuan	10.5	13.3	12.0
Pendedahan di tempat kerja	5.3	8.1	6.7
Timbul kesedaran untuk aktif dan bukan hanya pemerhati	51.1	52.6	51.4
Mempunyai kelapangan	5.3	3.7	4.5
Menyedari agenda wanita boleh dilakukan melalui politik	8.3	5.2	6.7
Pendedahan semasa belajar	9.0	6.7	7.9
Pengaruh keluarga	6.0	6.7	6.3
Timbul kesedaran setelah mendengar ceramah	.8	0	.4

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Di samping itu, golongan wanita dalam kajian kes ini juga lebih ramai menerima pendedahan politik semasa belajar sama ada di peringkat persekolahan atau universiti berbanding dengan 6.7% sahaja responden lelaki. Sekolah atau institusi pendidikan boleh menanam kepercayaan politik atau kesedaran politik melalui pelajaran dan pengajaran sama ada secara langsung atau tidak.<sup>44</sup> Posiah (1987) mendakwa, di alam persekolahan dan di peringkat universiti, pelajar berada dalam umur yang *receptive*.<sup>45</sup> Oleh itu mereka mudah menerima sebarang bentuk pengetahuan dan terpengaruh dengan ideologi politik guru atau rakan-rakan. Ini turut diakui oleh YB Mahfuz Omar yang menyatakan minat

<sup>44</sup> Posiah Mohd Isa, "Kelas Menengah Melayu: Satu Kajian Mengenai Sosial dan Budaya Politik," Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Am, Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, 1987,m.s. 84-99.

<sup>45</sup> Ibid., m.s. 81.

beliau terhadap politik diperkuuhkan melalui program-program dan kursus-kursus yang bermula semasa di bangku sekolah lagi.<sup>46</sup>

Peratus responden wanita yang terpengaruh dengan suasana di tempat kerja sebagai pendorong mereka berpolitik adalah kecil. Tidak ramai responden wanita yang mendapat pendedahan politik sebagaimana yang dialami oleh YB Rohani Karim. YB Rohani Karim mula terlibat dalam politik secara tidak langsung apabila beliau menyertai HAWA cawangan Sarawak. Meskipun tidak pernah menjadi ahli parti politik yang aktif, tetapi pendedahan yang diterima semasa memegang jawatan di HAWA serta desakan masyarakat yang memerlukan seorang ahli politik wanita mendorong beliau untuk bergiat dalam bidang ini.<sup>47</sup>

Di samping itu, 16.5% responden wanita UMNO sedar bahawa nasib kaum wanita hanya dapat diperjuangkan dengan lebih berkesan melalui politik. Sebagai sebuah parti yang memerintah, UMNO mempunyai kuasa menjalankan agenda-agenda untuk kepentingan kaum wanita.<sup>48</sup> Selain daripada penubuhan Jabatan Hal Ehwal Wanita untuk memantau masalah yang dihadapi oleh kaum wanita,<sup>49</sup> pengishtiharan Hari Wanita diadakan dan kerajaan juga telah melaksanakan beberapa perundangan yang dilihat dapat membela kaum wanita. Penglibatan dalam politik menjamin suara wanita diberi perhatian

<sup>46</sup> Temubual dengan YB Mahfuz Omar di Parlimen pada 11 Julai 2000.

<sup>47</sup> Temubual dengan YB Rohani Karim di Parlimen pada 11 April 2000.

<sup>48</sup> Temubual dengan YB Zaleha Ismail di Parlimen pada 13 April 2000.

<sup>49</sup> Jabatan Hal Ehwal Wanita atau HAWA kemudiannya diiktiraf sebagai sebuah kementerian pada awal tahun 2001 dengan nama Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.

dan berpeluang untuk mempengaruhi kerajaan melaksanakan dasar-dasar yang menjamin hak kaum wanita. Dengan kata lain, penglibatan 16.5% responden wanita UMNO adalah kerana keinginan untuk memperjuangkan nasib wanita. Selain daripada itu terdapat 10.1% responden wanita UMNO yang menegaskan pengaruh keluarga yang mengheret mereka ke kancah politik.

Bagi wanita PAS pula, persoalan untuk melaksanakan agenda-agenda bagi kaum wanita melalui politik tidak timbul. Ini kerana pada pandangan mereka perkara yang lebih utama adalah membantu melaksanakan kerja-kerja parti supaya diterima oleh masyarakat. Tambahan pula, PAS tidak mempunyai agenda atau perancangan yang khusus untuk kaum wanita melainkan membentuk peribadi wanitanya agar bertanggungjawab kepada agama dan negara. Jelas sekali sikap wanita PAS yang masih akur dengan kekuasaan lelaki dalam politik.

Dapatan kajian tidak menunjukkan perbezaan yang nyata antara responden wanita UMNO dan PAS daripada Selangor and Terengganu berkenaan dengan peristiwa yang mendorong mereka dalam politik. Sebaliknya, dapatan kajian menunjukkan dengan jelas bahawa kesedaran dan minat yang mendalam mendorong para responden wanita ini untuk berkecimpung dalam arena yang serba mencabar ini.

### **5.2.3. Faktor Responden Menyertai Parti.**

Dapatan kajian menunjukkan 45.6% responden lelaki dan 49.3% responden wanita memilih parti mereka ialah kerana percaya parti itu merupakan parti yang memperjuangkan keadilan dan mendaulatkan agama Islam berasaskan Al-Quran dan

Hadith. Sementara 23.9% responden lelaki dan wanita memberi alasan parti yang dipilih berjaya memperjuangkan kepentingan kaum Melayu. Terdapat 16.0% yang memberi lebih daripada satu alasan tetapi kebanyakannya kerana parti yang dipilih memperjuangkan agama Islam dan kepentingan orang Melayu.

Tanggapan dan pemikiran politik di antara ahli PAS dan ahli UMNO mengenai kepercayaan tentang parti mereka memperjuangkan keadilan dan mendaulatkan agama adalah berbeza. Ini kerana dari segi ideologi, UMNO berbeza dengan PAS.<sup>50</sup> Maka sudah tentu ia turut mempengaruhi pemikiran ahli-ahlinya. Perjuangan Islam yang dimaksudkan oleh PAS adalah “...supaya syariat Islam menjadi akidah negara, Perlembagaan dan Perundangan negara, dan segala sistem yang ada dalam negara..dan kesemua muslim atau bukan muslim tunduk di bawah syariat Allah (undang-undang Allah).”<sup>51</sup> Menurut PP 1993, Fasal 3 menyatakan bahawa “Dsar Pas ialah Islam” dan “Seruan PAS ialaah Allahuakbaar”.<sup>52</sup> PAS juga mendakwa kerajaan meletakkan Perlembagaan Malaysia lebih tinggi kedudukannya daripada Al-Quran dan Hadis.<sup>53</sup>

---

<sup>50</sup> Ibrahim Abu Bakar, Perbandingan Pemikiran Politik-Agama PAS dan UMNO, dalam Wan Hasyim Wan Teh (pnyt), **UMNO Dalam Arus Politik Perdana Kebangsaan**, Kuala Lumpur, Mahir Publications, 1993, m.s. 102.

<sup>51</sup> Ibid., m.s. 109; Lihat juga huraiyan yang diberikan oleh Ibnu Hasyim, **Konflik UMNO-PAS: Penyelesaian Menurut Islam**, Kuala Lumpur, GG Edar, 1993, m.s. 26-30.

<sup>52</sup> Perlembagaan PAS, Pindaan 1993, Fasal 5, m.s. 2-5. Untuk penerangan lebih lanjut, sila lihat Ibnu Hasyim, op. cit., m.s. 25-30; Abdul Hadi Awang, **Kemestian Penyelesaian Secara Islam**, Kelantan, Darulnaim Sdn. Bhd, 1981, m.s. 84; Lihat juga R. S. Milne & Diane K. Mauzy, **Politik dan Kerajaan di Malaysia**, Kuala Lumpur, Utusan Printcorp Sdn. Bhd, m.s. 185.

<sup>53</sup> Abdul Hadi, **Konsep dan Matlamat Negara Islam**, Kuala Lumpur, Simposium Negara Islam, 6 Oktober 1986, m.s. 9.

Kerajaan BN pimpinan UMNO mempertahankan "...*kedaulatan rakyat dan keadaan sosial dengan mengamalkan sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen serta meninggikan taraf hidup rakyat*", di samping "...menegak, mempertahankan dan mengembangkan Islam, agama rasmi negara serta menghormati prinsip kebebasan beragama".<sup>54</sup> Namun penubuhan Bank Islam, Universiti Islam Antarabangsa dan penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran agama membuktikan bahawa UMNO juga bergerak ke arah politik keislaman.<sup>55</sup>

Jadual 5.16: Alasan Responden Memilih Parti

ALASAN-ALASAN	PEREMPUAN	LELAKI	JUMLAH
PERSONALITI PUCUK PIMPINAN YANG BERWIBAWA DAN MENARIK	4	5	9
	3.0%	3.7%	3.4%
AKTIVITI YANG DISEDIAKAN MAMPU MEMBANTU MASYARAKATI	6	13	19
	4.5%	9.6%	7.1%
PARTI YG BERJAYA MEMPERJUANGKAN KEPENTINGAN MELAYU	36	28	64
	27.3%	20.6%	23.9%
PARTI MEMPERJUANGKAN KEADILAN DAN MENDAULATKAN ISLAM	65	62	127
	49.3%	45.6%	47.4%
PENGARUH KELUARGA YANG TERLIBAT DALAM POLITIK	1	5	6
	.8%	3.7%	2.2%
KOMBINASI	20	23	43
	15.2	16.9%	16.0%
JUMLAH	132	136	268
	100.0%	100.0%	100.0%

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

<sup>54</sup> Perlembagaan UMNO, 1988, Fasal 3.3.

<sup>55</sup> Kassim Ahmad, "Ideologi, Islam dan Politik Kebangsaan Masa Kini", dalam Wan Hayim Wan Teh (pnyt), **UMNO Dalam Arus Perdana Kebangsaan**, Kuala Lumpur, Mahir Publications, 1993, m.s. 240.

Bagi responden wanita sama ada dari Terengganu atau Selangor, selain daripada kedua faktor yang dinyatakan di atas, 4.5% menganggap aktiviti-aktiviti yang disediakan oleh parti pilihan mereka mampu membantu dan 3.0% kerana personaliti pucuk pimpinan parti yang dilihat berwibawa dan menarik. 9.6% responden lelaki memilih kerana melihat aktiviti parti dan 3.7% kerana personaliti pemimpin. 23.9% responden lelaki dan wanita UMNO mendakwa UMNO telah membuktikan sebagai satu-satunya parti yang memperjuangkan kepentingan bangsa Melayu. Kedua-dua kumpulan responden UMNO ini juga percaya aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh parti ini mampu mengisi keperluan bagi menjamin kesejahteraan masyarakat.

Sementara 82.4% responden lelaki PAS dan 73.5% wanita percaya matlamat utama parti mereka ialah untuk mendaulatkan agama Islam dan ini mendorong mereka untuk menyertai dan menyokong PAS. Ini menunjukkan perbezaan yang besar sebab-sebab pemilihan parti antara ahli UMNO dan PAS. Responden PAS cenderung memilih faktor agama manakala UMNO pula faktor bangsa atau kaum.

Jadual 5.17 menunjukkan perbezaan alasan di antara wanita UMNO dan PAS tentang pemilihan parti ialah wanita PAS memberi tiga sebab iaitu memperjuangkan Islam (87.3%), kombinasi faktor (13.7%) dan personaliti pemimpin (3.0%). Sementara 7.0% wanita UMNO memberi alasan untuk mendaulatkan Islam sebagai kriteria pemilihan mereka, 16.7% kombinasi faktor, 54.5% percaya parti tersebut menjamin kepentingan Melayu, 6.0% kerana ideologi parti, 9.0% dipengaruhi oleh aktiviti parti dan 3.0% pula disebabkan oleh personaliti pemimpin.

Jadual 5.17: Alasan Responden Wanita Memilih Parti

ALASAN-ALASAN	TERENGGANU %			SELANGOR %		
	PAS	UMNO	JUMLAH	PAS	UMNO	JUMLAH
PERSONALITI PUCUK PIMPINAN YANG BERWIBAWA DAN MENARIK	3.0	1.5	4.5	0	1.5	1.5
AKTIVITI YANG DISEDIAKAN MAMPU MEMBANTU MASYARAKAT	0	4.5	4.5	0	4.5	4.5
PARTI YG BERJAYA MEMPERJUANGKAN KEPENTINGAN MELAYU	0	22.7	22.7	0	31.8	31.8
PARTI MEMPERJUANGKAN KEADILAN DAN MENDAULATKAN ISLAM	42.4	7.5	49.9	43.9	4.5	48.4
PENGARUH KELUARGA YANG TERLIBAT DALAM POLITIK	0	1.5	1.5	0	0	0
KOMBINASI	6.1	10.6	16.7	7.6	6.1	13.7

Sumber: Data Kajian Penulis (2000)

Majoriti responden wanita Selangor dan Terengganu memberi alasan pemilihan parti kerana percaya parti yang dipilih memperjuangkan keadilan dan mendaulatkan Islam. Tetapi didapati hanya 6.0% responden wanita UMNO yang memberi alasan ini iaitu 4.5% WUT dan 1.5% WUS. Sebaliknya, 22.7% responden WUT dan 31.8% WUS menganggap UMNO sebagai sebuah parti yang berjaya memperjuangkan kepentingan Melayu dan ini yang menjadi sandaran mereka. Bagaimanapun, dapatan kajian tidak menunjukkan perbezaan yang nyata antara kumpulan responden wanita UMNO atau responden wanita PAS dari Terengganu dan Selangor mengenai sebab pemilihan parti. Sebaliknya perbezaan yang ketara ialah antara kumpulan responden wanita PAS dan wanita UMNO seperti mana yang telah dibincangkan.

Sejarah politik wanita UMNO menunjukkan pada peringkat awal penubuhannya bilangan ahli yang menyertai parti kerana pengaruh status sosial para pemimpin UMNO

tidak ramai.<sup>56</sup> Dalam kajian ini hanya 3.0% responden yang menyertai parti disebabkan oleh personaliti pemimpin. Namun begitu ia menunjukkan masih ada segelintir ahli yang memilih parti kerana faktor personaliti pemimpin. Ini memberi gambaran bahawa pemimpin parti yang berwibawa boleh menarik masyarakat untuk menyertai parti. Oleh sebab itu pemimpin harus mempunyai kualiti personaliti serta kepimpinan yang tinggi dalam politik.

Di samping itu, responden UMNO percaya UMNO satu-satunya parti yang berusaha memberi naungan kepada orang Melayu dan matlamat perjuangan UMNO adalah untuk membela orang Melayu. Tambahan pula menurut Senator Hazizah,

Dengan perjuangan UMNO selama ini ekonomi orang Melayu semakin meningkat, di bidang pendidikan,...banyak sekolah menengah, asrama penuh dan pelajar yang dihantar ke luar negara.<sup>57</sup>

Jadual 5.18 menunjukkan 50.4% responden wanita dan 34.6% responden lelaki beranggapan bahawa keperluan kepada penglibatan wanita dalam politik ialah menjaga kepentingan agama dan kehidupan masyarakat ke arah yang lebih baik. Pembabitan mereka adalah perlu untuk melakukan kerja-kerja parti dalam pelbagai peringkat. Namun, adakah peranan yang perlu dimainkan ini hanya sebagai penyokong kepada kerja-kerja

---

<sup>56</sup> Ramlah Adam, "Pergerakan Wanita UMNO Malaysia 1945-1972", m.s. 33.

<sup>57</sup> Temubual dengan Senator Hazizah di Parlimen pada 20 April 2000

kaum lelaki atau mereka sendiri mempunyai bidang kuasa yang luas sepetimana kaum lelaki untuk menolong masyarakat? Ini kerana keadaan politik masa kini memperlihatkan kekurangan bilangan wanita di peringkat membuat keputusan memberi tanggapan bahawa peranan wanita dalam politik tidak sama dengan kaum lelaki.

Jadual 5.18: Pandangan Responden Tentang Perjuangan Wanita Dalam Politik

PERJUANGAN UTAMA WANITA DALAM POLITIK	JANTINA		JUMLAH
	PEREMPUAN	LELAKI	
TIDAK JAWAPAN	3 2.3%	2 1.5%	5 1.9%
PEMBAHITAN SECARA DALAM KERJA PRODUKTIF	12 9.2%	15 11.0%	27 10.1%
MEMBEBASKAN WANITA DARI BELENGGU REPRODUKSI	2 1.5%	3 2.2%	5 1.9%
MEBASKAN WANITA DARIPADA BUDAYA KELAKIAN MELAYU DEM POLITIK	12 9.2%	11 8.1%	23 8.6%
GENDER DIBERI PENAKRIFAN SEMULA	15 11.5%	29 21.3%	44 16.5%
JAGA KEPENTINGAN AGAMA DAN SURVIVAL MASYARAKAT	66 51.2%	47 35.3%	113 43.0%
TIDAK KOMEN	1 .8%	1 .7%	2 .7%
KOMBINASI	16 12.2%	25 18.4%	41 15.4%
MASIH DITAHAP YANG TIDAK MEMUASKAN	- -	1 .7%	1 .4%
SAMA SEPERTI LELAKI	3 2.3%	1 .7%	4 1.5%
JUMLAH	131 100.0%	136 100.0%	267 100.0%

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Nota: Perincian responden PAS dan UMNO dari Terengganu dan Selangor hanya akan dibuat mengikut keperluan.

Pelbagai langkah perlu diambil bagi mempertingkatkan penglibatan wanita dalam politik. Satu daripadanya dengan menggalakkan mereka melibatkan diri secara serius dalam kerja-kerja produktif seperti bermiaga. Cara ini akan membolehkan mereka menikmati kebebasan bukan sahaja dalam bidang ekonomi tetapi juga dalam bidang awam lain. Namun begitu hanya 9.2% sahaja wanita yang beranggapan pembabitan secara serius dalam bidang-bidang produktif merupakan satu perkara yang perlu ditekankan oleh kaum wanita. Sementara langkah-langkah untuk memberi penakrifan semula gender agar lebih bersifat neutral dan menitikberatkan kesimbangan peranan wanita dan lelaki berteraskan Islam pun tidak dianggap sebagai satu langkah penting. Hanya 11.5% sahaja responden wanita yang menyokong perkara ini berbanding 21.3% responden lelaki yang menganggap perkara ini lebih penting.

Apa yang perlu diperhatikan di sini ialah penakrifan yang bagaimana boleh membantu wanita untuk mencapai kedudukan yang lebih baik dalam bidang politik. Ini yang akan menjadi asas kepada perjuangan wanita supaya lebih ramai dari kalangan kaum hawa berpeluang menyertai bidang yang serba dan mencabar ini dan diberi pengiktirafan yang sewajarnya. Sekiranya usaha membebaskan wanita daripada budaya politik Melayu terutama mengenai pengagihan kuasa dalam sistem politik tidak dititikberatkan oleh ahli politik wanita maka sudah tentu kaum wanita terpaksa berhadapan dengan halangan besar seperti dominasi kaum lelaki. Apa yang dimaksudkan dengan pembebasan wanita daripada budaya politik Melayu ialah ketidaksamarataan pengagihan kuasa dan peranan yang diberikan kepada wanita berbanding dengan kaum lelaki. Ini kerana dalam masyarakat Melayu, kaum lelaki telah diberi kepercayaan untuk menjadi pemimpin manakala kaum wanita hanya sebagai penyokong sahaja. Oleh itu bilangan 9.2% daripada

271 orang responden yang menyokong usaha untuk melepaskan wanita daripada belenggu tradisional politik Melayu yang meletakkan mereka subordinat kepada kaum lelaki memperlihatkan ketidaksediaan kaum wanita untuk memperbaiki nasib mereka sendiri.

Selain itu 21.3% responden lelaki yang majoritinya ialah responden PAS berpendapat perjuangan utama wanita dalam politik ialah dengan memberi penakrifan baru tentang gender supaya memberi ruang yang lebih besar untuk wanita terlibat dalam bidang-bidang yang di anggap menjadi milik ekslusif kaum lelaki. Malah 8.1% responden lelaki juga berpandangan bahawa wanita perlu memperjuangkan kebebasan daripada budaya kelakian Melayu bagi menjamin proses integrasi wanita dalam politik akan berjalan lebih lancar dan menyeluruh. Ternyata pada keseluruhannya, kaum lelaki berpendapat antara perjuangan utama kaum wanita dalam politik ialah membebaskan diri mereka daripada belenggu budaya politik yang mementingkan kaum lelaki.

### **5.3. Faktor-faktor Yang Menghalang Wanita dalam Politik dari Persepsi Lelaki dan Wanita**

Ramlah Adam (1978) telah menyentuh dua halangan utama wanita bergiat secara aktif dalam politik iaitu kefahaman ahli tentang parti tidak mendalam<sup>58</sup> dan sikap masyarakat yang membantutkan semangat kaum wanita.<sup>59</sup> Dalam kajiannya ke atas 50 orang responden yang menjadi calon untuk kawasan Parlimen dan ADUN, Rashila Ramli

<sup>58</sup> Apa yang dimaksudkan di sini ialah, kebanyakan wanita yang menganggotai UMNO mereka tidak memahami tentang kepentingan dan tujuan UMNO ditubuhkan. Ini berlaku kerana mereka tidak mengambil initiatif untuk membaca perlumbagaan parti. Sila lihat Ramlah Adam, "Pergerakan Wanita UMNO Malaysia 1945-1972", m.s. 34.

<sup>59</sup> Ibid.

(1998) pula telah menemui lima faktor utama yang menjadi penghalang bagi kaum wanita untuk bergiat dalam politik iaitu faktor masa, pandangan masyarakat, agama, struktur dan kekurangan sumber.<sup>60</sup> Rujukan kepada kajian Rashila Ramli (1998) adalah penting kerana penulisan beliau menekankan tentang hubungan gender dalam menentukan penglibatan wanita dalam politik.

Jadual 5.19: Halangan Utama Wanita dalam Politik

HALANGAN UTAMA WANITA DLM BERPOLITIK	JANTINA		JUMLAH
	PEREMPUAN	LELAKI	
Masalah pembahagian masa untuk mengimbangi kerjaya politik dan keluarga	87 64.9%	88 64.7%	175 64.8%
Tidak mendapat galakan daripada keluarga	13 9.7%	9 6.6%	22 8.1%
Masalah kewangan	4 3.0%	4 2.9%	8 3.0%
Struktur politik yang mengutamakan kaum lelaki	11 8.2%	16 11.7%	27 10.0%
Terlibat dalam perkhidmatan awak	5 3.7%	3 2.2%	8 3.0%
Kurang yakin dengan kepimpinan wanita	1 .7%	1 .7%	2 .7%
Kombinasi pandangan di atas	10 8.4%	13 9.5%	23 8.5%
Tiada halangan	3 2.2%	2 1.5%	5 1.9%
JUMLAH	134 100.0%	136 100.0%	270 100.0%

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Jadual 5.19 menunjukkan 64.8% responden lelaki dan wanita menyatakan masalah dari segi pembahagian masa untuk mengimbangi keluarga dan kerjaya sebagai halangan utama. Sementara 8.1% responden beranggapan bahawa tentangan daripada

<sup>60</sup> Sila lihat Rashila Ramli, "Pembangunan Politik dan Gender", m.s. 166-167.

keluarga juga boleh menghalang penglibatan wanita dalam politik. Terdapat 64.7% responden lelaki dan 64.9% responden wanita berpendapat masa adalah halangan yang paling utama bagi seorang wanita. Dalam masyarakat Melayu wanita ditugaskan untuk menguruskan keluarga. Mereka terpaksa membahagikan tugas antara keluarga dan kerjaya. Secara tidak langsung peluang untuk melibatkan diri secara aktif dalam politik juga akan terbatas.

Halangan kedua pula, tidak mendapat galakan daripada keluarga. Tidak ramai kaum wanita yang berani memohon kebenaran atau kebebasan untuk bergiat aktif dalam politik daripada suami masing-masing.<sup>61</sup> Beberapa orang pemimpin politik wanita menyatakan perlunya seseorang individu terutama wanita mencari pasangan yang memahami tentang kepentingan bagi kaum wanita untuk turut terlibat dalam politik. Menurut Puan Zaironi, wanita terpaksa berdepan dengan masyarakat yang tidak faham dengan tugas dan fungsi wanita dalam politik dan ibubapa yang milarang anak perempuan daripada aktif kerana sebab-sebab<sup>62</sup> tertentu serta suami yang tidak menyenangi kesibukan isteri dalam bidang politik hingga dianggap mengabaikan tanggungjawab mereka kepada rumah tangga.<sup>63</sup> Beliau seterusnya mendakwa walaupun seseorang wanita itu bergiat aktif dalam politik semasa di universiti tetapi apabila sudah berkahwin dan pasangan pula tidak memahami kehendak kerjaya politik dan peranan

<sup>61</sup> New Straits Time, 30 May 1996.

<sup>62</sup> Sebab-sebab tertentu yang dimaksudkan di sini ialah ibubapa bimbang anak-anak mereka akan kehilangan perkerjaan atau bantuan kewangan sekiranya menentang kerajaan yang diterajui oleh UMNO. Ataupun mereka bimbang masyarakat akan mengkritik gerak langkah seorang ahli politik wanita yang tidak betah tinggal di rumah sahaja.

<sup>63</sup> Temubual dengan Puan Zaironi di Markas PAS Kuala Terengganu pada 9 Julai 2000 dan turut disokong oleh Puan Mariam dan Puan Hamidah yang ditemubual di Wisma Daruliman pada 26 Julai 2000.

yang perlu dimainkan oleh wanita, maka akan timbul pelbagai masalah. Walaupun perkara yang sama berlaku kepada kaum lelaki, tetapi dalam adat Melayu dan agama Islam meletakkan kedudukan dan keputusan suami lebih utama. Oleh itu, persoalan pihak suami menurut kata isteri tidak timbul tetapi sebaliknya. Justeru itu adalah penting bagi seseorang wanita mendapat sokongan daripada keluarga terutama suami. Menurut YB Khamsiah Yeop,

Pada saya, kejayaan saya dalam bidang ini (politik) adalah kerana peranan yang dimainkan oleh suami saya. Tanpa dia saya tidak akan dapat melakukan tugas saya sebagai ahli politik dan melaksanakan tanggungjawab sebagai isteri dengan baik. Beliau sentiasa bersama-sama saya bermula daripada awal penglibatan saya malah turut sama dengan kegiatan politik. Tidak dinafikan pada awal terdapat sedikit masalah tetapi lama-kelamaan dapat disesuaikan.<sup>64</sup>

Sekiranya pasangan tidak mempunyai persefahaman tentang kerjaya wanita dalam politik, dibimbangi akan berlaku perkara-perkara yang tidak diingini seperti perceraian.

Dalam kajian ini hanya 3.0% responden sahaja yang menyatakan kekurangan sumber kewangan sebagai halangan kepada wanita untuk terlibat. Sedangkan dalam kajiannya, Rashila Ramli (1998) telah menggariskan kewangan sebagai masalah utama di kalangan parti pembangkang. Menurut beliau lagi kekurangan sumber bukan sahaja dari segi kewangan malahan juga dari segi kemudahan seperti sumber manusia dan media.<sup>65</sup> Berdasarkan temuramah yang dijalankan, para pemimpin wanita memberi pandangan bahawa masalah kewangan sentiasa menjadi masalah utama kepada ahli politik terutama bagi kaum wanita. Bagi golongan wanita yang bergantung kepada pendapatan suami untuk menyara keluarga, mereka akan menghadapi masalah kewangan apabila

<sup>64</sup> Temubual dengan YB Khamsiah Yeop di Parlimen pada 13 April 2000.

menceburkan diri dalam politik. Apatah lagi jika wanita berkenaan bercita-cita tinggi di dalam politik. Kadangkala mereka terpaksa menggunakan wang sendiri untuk menampung perbelanjaan parti terutama semasa musim pilihanraya .

Sebagai sebuah parti pembangkang, PAS amnya dan Dewan Muslimat khususnya, masalah kewangan merupakan masalah yang kritikal. Mereka tidak mempunyai sumber kewangan yang besar selain daripada derma yang dikutip setiap kali ceramah-ceramah diadakan atau derma daripada para ahli yang berkedudukan. Tetapi Puan Hasrina menyangkal dakwaan ini dan mengatakan bahawa kewangan tidak lagi merupakan masalah yang besar bagi PAS. Ini kerana kebanjiran golongan profesional dan korporat ke dalam PAS mampu menaja atau membiayai aktiviti politik tanpa sumbangan parti.

Terdapat responden wanita berpendapat struktur politik yang mengutamakan kaum lelaki dan bidang politik yang didefinisikan menurut pandangan kaum lelaki sebagai halangan utama untuk berpolitik. Sementara 11.7% responden lelaki berpendapat faktor tersebut sebagai penghalang besar kepada kaum wanita untuk maju. Secara tidak langsung mereka mengakui bahawa bidang politik mempunyai struktur dan sistem yang mendiskriminasi kaum wanita dan wanita terpaksa berdepan dengan masalah ini apabila menceburinya. Ini menunjukkan bahawa terdapat segelintir kaum lelaki yang sedar dan peka akan permasalahan gender akibat daripada struktur politik yang membataskan penglibatan kaum wanita secara lebih berkesan. Dalam struktur parti, golongan wanita dilihat agak sukar untuk berada dalam barisan kepimpinan kerana pada pandangan mereka yang memimpin seharusnya kaum lelaki. Begitu juga dalam masyarakat yang

---

<sup>65</sup> Sila lihat Rashila Ramli, "Pembangunan Politik dan Gender", m.s. 167.

masih dikuasai oleh sistem patriarki. Oleh kerana ianya telah sebat dalam masyarakat Melayu serta mencorak institusi-institusi dalam arena awam, maka masih ada segelintir kaum wanita yang tidak peka bahawa struktur politik yang ada hari ini lebih mengutamakan kaum lelaki.

Walau bagaimanapun terdapat 2.2% responden wanita dan 1.5% responden lelaki yang menganggap kejayaan berpolitik adalah terletak di tangan individu sendiri dan segala halangan serta cabaran tidak patut dijadikan sebagai alasan. Ini turut disokong oleh YB Napsiah Omar,

... sekiranya kaum wanita bersikap positif maka halangan-halangan tidak akan wujud dan kaum wanita jangan meletakkan halangan pada diri sendiri.<sup>66</sup>

Namun begitu YB Napsiah tidak dapat menafikan, struktur politik yang mengutamakan kaum lelaki menyebabkan beliau tersingkir daripada barisan kepimpinan. Dengan kemenangannya di kerusi Parlimen Kuala Pilah dalam pilihanraya 1999 serta rekodnya yang pernah menyandang jawatan Menteri Penuh, seharusnya beliau diberi tempat dalam kabinet. Bagi wanita PAS pula, Puan Hasrina berpendapat, kadangkala halangan juga datang daripada pucuk pimpinan. Ini kerana kepimpinan ulama' dan profesional mempunyai latar belakang yang berbeza. Maka pendekatan yang digunakan oleh kedua kelompok pemimpin ini juga berbeza terutama dalam hal yang menyentuh mengenai kedudukan wanita di peringkat kepimpinan.<sup>67</sup>

---

<sup>66</sup> Temubual dengan YB Dato' Napsiah di Parlimen pada 10 April 2000.

<sup>67</sup> Temubual dengan Wan Hasrina, Ketua Muslimat PAS Selangor di Markas PAS Ampang Jaya pada 12 Julai 2000.

Jadual 5.20: Halangan Utama Wanita Mengikut Pandangan Responden Wanita Selangor dan Terengganu

HALANGAN UTAMA WANITA DLM BERPOLITIK	TERENGGANU %			SELANGOR %		
	PAS	UMNO	JUMLAH	PAS	UMNO	JUMLAH
Masalah pembahagian masa untuk mengimbangi kerjaya politik dan keluarga	29.2	26.2	55.4	36.2	37.7	73.9
Tidak mendapat galakan daripada keluarga	9.2	3.1	12.3	7.2	0	7.2
Masalah kewangan	0	1.5	1.5	1.4	2.9	4.3
Struktur politik yang mengutamakan kaum lelaki	3.0	9.3	12.3	1.4	2.8	4.2
Terlibat dalam perkhidmatan awak	3.1	3.1	6.2	0	1.4	1.4
Kurang yakin dengan kepimpinan wanita	1.5	0	1.5	0	0	0
Kombinasi pandangan di atas	1.5	4.6	6.1	2.9	5.7	8.6
Tiada halangan	3.1	1.5	4.6	0	0	0

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Peratus responden wanita Selangor dalam kajian kes ini yang berpendapat masalah masa sebagai halangan utama lebih tinggi iaitu 73.9%. Selain itu, terdapat 12.3% responden wanita Terengganu mengatakan kurang galakan daripada keluarga dan struktur politik yang mengutamakan kaum lelaki membataskan penglibatan wanita dalam bidang ini. Malah peratus responden wanita Terengganu yang mengakui bahawa struktur politik sebagai penghalang adalah lebih tinggi daripada wanita Selangor. Ini satu penemuan yang menarik kerana penduduk di Pantai Timur sering dianggap lebih tertutup pemikiran mereka dan lebih akur dengan sistem masyarakat Melayu yang mengutamakan kaum lelaki. Sebaliknya peratus responden wanita Terengganu yang berpendapat hubungan gender yang tidak egalitarian dalam politik menjadi halangan utama kaum hawa menunjukkan kebangkitan '*gender awareness*' yang menyeluruh di kalangan wanita. Ia

juga menggambarkan kesedaran dan keperluan kepada kesamarataaan gender bagi memberi peluang yang lebih besar kepada wanita dalam politik.

Jadual 5.21 menunjukkan min yang diperolehi oleh responden lelaki dan wanita menyatakan halangan utama ialah masalah pengurusan masa untuk rumahtangga dan kerjaya politik. Responden dalam kajian ini meletakkan faktor masa sebagai faktor penting yang menghalang mereka daripada aktif berpolitik. Ini diikuti pula oleh kurangnya pendedahan maklumat mengenai politik menyebabkan mereka yang terlibat tidak mempunyai pengalaman yang secukupnya. Dalam hal ini peluang kaum wanita untuk mempunyai jaringan maklumat yang kukuh mengenai politik lebih kecil. Ini boleh dikaitkan dengan faktor budaya masyarakat itu sendiri kerana kaum lelaki mempunyai peluang dan ruang yang lebih untuk mendapatkan maklumat. Kaum wanita terikat dengan tanggungjawab di rumah dan kesibukan menguruskan rumahtangga menyebabkan mereka tidak mempunyai masa untuk melibatkan diri dengan dunia luar.<sup>68</sup> Masalah dari segi pengurusan masa tidak timbul di awal pergerakan wanita dalam politik. Pada masa itu, kebanyakan wanita UMNO ialah daripada golongan guru dan surirumah. Mereka ini merupakan golongan wanita luar bandar yang mempunyai banyak masa lapang dan tidak terikat dengan perkara lain selain daripada keluarga.<sup>69</sup> Begitu juga dengan wanita PAS. Para ahlinya terdiri daripada surirumah dan ustazah. Dengan masa yang terluang itu mereka dapat bergiat secara aktif. Bagi wanita yang berkerjaya dan mempunyai keluarga,

---

<sup>68</sup> Pemerhatian yang dijalankan ke atas beberapa orang ahli PAS dan UMNO di Terengganu menyokong perkara ini.

<sup>69</sup> Ramlah Adam, "Pergerakan Wanita UMNO Malaysia 1945-1972", m.s. 32.

ruang dan peluang untuk mereka aktif agak terbatas. Tambahan pula sekiranya mereka tinggal di bandar.<sup>70</sup>

Jadual 5.21: Taburan Min Kecenderungan Responden Memilih Perkara Yang Menghalang Wanita Daripada Aktif Berpolitik

PERKARA YANG MENGHALANG	PEREMPUAN	STATUS	LELAKI	STATUS
Kurang Kemahiran Dalam Bidang Politik	3.03	3	3.50	3
Kurang Pengalaman dan Jaringan Maklumat	2.97	2	3.37	2
Tiada Sumber Kewangan	4.03	4	4.63	5
Masalah Masa	2.64	1	2.90	1
Kurang Yakin Untuk Melantik Wanita Memegang Jawatan	4.16	5	3.87	4

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Kerja-kerja domestik yang berat serta tiada kesedaran wanita untuk berdepan dengan cabaran dalam politik turut mempengaruhi keterbatasan mereka dalam bidang ini.<sup>71</sup> Kekurangan sumber kewangan dan kurangnya keyakinan di kalangan masyarakat untuk melantik wanita menjadi pemimpin bukanlah merupakan faktor yang utama menurut data yang diperolehi. Tetapi didapati responden lelaki lebih cenderung mengatakan bahawa ahli-ahli parti kurang yakin untuk melantik wanita memegang jawatan di dalam parti berbanding dengan responden wanita, 3.87%.

---

<sup>70</sup> Ibid., m.s. 49.

<sup>71</sup> New Strait Times, 30 May 1996.

Taburan min antara responden wanita PAS dan UMNO dalam kes ini tidak menunjukkan sebarang perbezaan dalam menentukan halangan utama yang menghalang mereka daripada aktif berpolitik. Tiada hubungan yang terserlah di antara responden wanita dan responden lelaki dalam mengenalpasti faktor yang menghalang wanita daripada aktif berpolitik. Kedua-dua kumpulan responden ini mengakui masalah pembahagian masa, diikuti oleh kurang kemahiran dalam bidang politik dan kurang jaringan maklumat yang baik sebagai halangan utama. Tetapi responden lelaki berpendapat kurang keyakinan untuk melantik kaum wanita memegang jawatan merupakan halangan yang lebih utama bagi kaum wanita berbanding dengan masalah kewangan. Jelasnya di antara responden lelaki dan wanita, responden lelaki lebih menekankan tentang sikap tidak yakin masyarakat untuk melantik wanita memegang jawatan yang menjadikannya satu halangan bagi mereka untuk memegang jawatan penting terutama dalam politik.

Berikut pula adalah data yang diperolehi mengenai pandangan para responden tentang halangan yang perlu ditempuhi oleh kaum lelaki dalam politik. Jadual 5.22 menunjukkan 30.8% responden lelaki dan 30.3% responden wanita berpendapat halangan utama kaum lelaki adalah sama seperti kaum wanita iaitu masalah masa. Kaum lelaki juga menghadapi halangan ini kerana mereka perlu berdepan dengan pelbagai masalah dalam politik yang memerlukan perhatian yang sepenuhnya dan pada masa yang sama memberi tumpuan kepada keluarga. 21.3% responden yang lain berpendapat pekerjaan dalam perkhidmatan awam sebagai satu halangan untuk mereka bergiat secara aktif. Daripada jumlah ini, lebih ramai responden lelaki yang bersetuju iaitu 23.7%, berbanding dengan wanita, 18.8%. 14.9% responden lelaki dan wanita pula berpendapat kedudukan

kewangan juga memainkan peranan menjadi penghalang kepada kaum lelaki. 13.8% responden lelaki berpendapat struktur politik yang mengutamakan golongan tertentu seperti golongan profesional, mereka yang mempunyai hubungan dengan pucuk pimpinan sebagai faktor yang boleh menghalang kemajuan kaum lelaki dalam bidang ini.

Jadual 5.22: Halangan Utama Lelaki dalam Politik

HALANGAN UTAMA LELAKI DLM BERPOLITIK	JANTINA		JUMLAH (%)
	PEREMPUAN (%)	LELAKI (%)	
MASA UNTUK MEMIKIRKAN MASALAH POLITIK DAN KELUARGA	41	41	82
	30.8	30.3	30.6
TIDAK MENDAPAT GALAKAN DARI KELUARGA	5	4	9
	3.8	3.0	3.4
KEKURANGAN SUMBER KEWANGAN	23	17	40
	17.3	12.6	14.9
STUKTUR PARTI YANG MENGUTAMAKAN GOLONGAN TERTENTU	19	18	37
	14.3	13.3	13.8
TERLIBAT DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN	25	32	57
	18.8	23.7	21.3
TIADA KESEDARAN	12	15	29
	9.0	12.6	10.8
KURANG PENDEDAHAN	2	2	4
	1.5	1.5	1.5
TIADA HALANGAN	5	3	8
	3.8	2.2	3.0
HALANGAN DARI KERAJAAN YANG MEMERINTAH (PAS SAHAJA)	1	1	2
	.8	.7	.7
JUMLAH	133	135	268
	100.0	100.0	100.0

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Bagi responden UMNO, mereka berpendapat struktur parti yang mengutamakan golongan tertentu memberikan halangan kepada kaum lelaki untuk maju dalam politik. Malah peratus di kalangan 23.9% responden lelaki UMNO dan 24.2% responden wanita yang menyokong pandangan ini adalah jauh lebih besar daripada responden PAS. Di samping itu responden UMNO juga menyatakan penglibatan dalam perkhidmatan awam

juga merupakan halangan besar untuk mereka bergiat dalam politik. Menurut perintah Am Kerajaan, pegawai dalam Kumpulan Jawatan Utama Sektor Awam dan Kumpulan Pengurusan dan profesional adalah dilarang daripada memegang jawatan ataupun aktif dalam mana-mana persatuan politik.<sup>72</sup> Larangan ini menyukarkan pegawai-pegawai kerajaan terutama golongan lelaki untuk berpolitik dan mengekalkan jawatan yang dipegang dalam perkhidmatan awam. Mereka perlu meletak jawatan sekiranya ingin memegang jawatan dalam parti politik. Tetapi pegawai-pegawai ini masih dibenarkan untuk menganggotai mana-mana pergerakan politik sebagai ahli biasa. Dalam Perhimpunan Khas UMNO 2000 telah ada ura-ura yang mendesak pihak kerajaan membenarkan kakitangan awam dalam kumpulan A terlibat secara aktif dalam politik.<sup>73</sup> Bagaimanapun pihak kerajaan masih mengekalkan larangan tersebut.

### 5.3.1. Budaya ‘Kelakian’ Dalam Politik

Penemuan dalam kajian ini menyokong pandangan Ungku Aziz. Menurut Ungku Aziz (1996), halangan utama bagi wanita di dalam politik ialah struktur politik Malaysia. Di Malaysia penyertaan wanita dan lelaki dikonstruk berdasarkan gender. Setiap badan politik mempunyai pergerakan pemuda dan pergerakan wanita. Ini secara tidak langsung membezakan fungsi hubungan gender dalam politik. Dalam erti kata lain, menginstitusikan perbezaan hubungan gender yang wujud dalam politik melalui pengagihan peranan dalam parti politik. Kewujudan PWU dan Pergerakan Pemuda UMNO menyokong bahawa struktur parti UMNO berbentuk ‘*divide and rule*’

---

<sup>72</sup> Utusan Malaysia, 19 Januari 2001.

<sup>73</sup> Ibid.

serta mengamalkan pembahagian kerja berdasarkan gender.<sup>74</sup> Malah PAS juga mempunyai struktur yang sama dengan penubuhan Dewan Pemuda dan DMP. Pembahagian wanita dan lelaki kepada dua pergerakan bertujuan untuk menarik lebih ramai ahli mengikut jantina tetapi telah mengukuhkan lagi ketidaksamarataan hubungan gender.<sup>75</sup>

Di dalam pergerakan wanita UMNO kedudukan paling tinggi yang boleh diimpikan di dalam parti ialah sebagai Ketua PWU Malaysia. Bagi kaum lelaki pula jawatan Ketua Pemuda UMNO hanyalah batu loncatan untuk jawatan yang lebih tinggi iaitu sebagai Naib Presiden atau Presiden parti. UMNO membuka peluang yang lebih besar kepada wanita dari segi kepimpinan. Wanita UMNO dilantik di dalam Majlis Tertinggi UMNO yang merupakan badan tertinggi menguruskan hal ehwal UMNO.<sup>76</sup> Malah peluang turut diberikan untuk bertanding dalam pilihanraya serta memegang jawatan dalam kabinet kerajaan. Antara pengiktirafan yang diberikan kepada wanita ialah perlantikan Datuk Dr. Zeti Akhtar Aziz sebagai Gabenor Bank Negara, Datuk Ainon Mohammad Said sebagai Peguam Negara dan Datuk Heliliah Mohamed Yusof sebagai Peguamcara Negara<sup>77</sup> membuktikan bahawa kerajaan Malaysia pimpinan UMNO memberi mengakui kebolehan wanita untuk memimpin.

---

<sup>74</sup> Kamilia Ibrahim, "The Involvement of Malay Women in Politics", m.s. 105.

<sup>75</sup> New Strait Times, 30 May 1996.

<sup>76</sup> Perlembagaan UMNO, 1988, Fasal 7 (7.1).

<sup>77</sup> Siti Mariam Mohd Zain, "Kepimpinan Wanita Makin Menyerlah", MASSA, 6-12 Januari 2001, m.s. 48-49.

Muslimat PAS hanya boleh berpuas hati dengan jawatan Ketua Dewan Muslimat yang dilantik menganggotai Jawatankuasa Kerja PAS. PAS tidak memberi peluang kepada wanita menjadi calon dalam pilihanraya. Ini membuktikan PAS masih lagi membelakangi wanita di peringkat kepimpinan.<sup>78</sup> Peluang wanita UMNO untuk memegang jawatan naib presiden parti boleh dikatakan agak sukar apatah lagi bagi wanita PAS. Walaupun YB Mahfuz Omar mengatakan,

Tiada halangan untuk wanita menjadi seorang pemimpin. Malah dalam perlombagaan atau undang-undang parti tiada halangan untuk seseorang Muslimat menjadi pemerintah (presiden). Yang tidak boleh (tak) cuma untuk menjadi Ketua Pemuda dan Ketua Dewan Ulama' tetapi untuk jawatan-jawatan lain tiada halangan.<sup>79</sup>

Tetapi amalan yang ditunjukkan oleh PAS memberi gambaran bahawa ahli wanitanya masih tidak diberi pengiktaran yang sewajarnya. Walaupun golongan wanita sudah bersedia berhadapan dengan cabaran politik tetapi mereka terpaksa berdepan dengan budaya dan sistem politik yang menyebelahi lelaki.<sup>80</sup> Setakat persediaan dalam diri sahaja tidak memadai. Laluan kaum wanita lebih sukar daripada kaum lelaki. Saleha Hassan (1996) mendakwa, wakil PWU terpaksa berdepan dengan pelbagai halangan sebelum berpeluang ke peringkat atas.<sup>81</sup> Perkara ini terjadi bukan kerana wanita tidak sanggup atau tidak bersedia membabitkan diri dalam politik tetapi akibat daripada mentaliti kaum lelaki yang mempunyai tanggapan tradisional dan konservatif tentang peranan wanita. Arena politik digunakan sebagai ruang untuk mempraktiskan budaya segregasi di antara jantina

---

<sup>78</sup> **The Star**, April 2000.

<sup>79</sup> Temubual dengan YB Mahfuz Omar di Parlimen pada 17 Julai 2000.

<sup>80</sup> **New Strait Times**, 30 May 1996.

<sup>81</sup> **Berita Harian**, 23 April 1996.

ini. Malah halangan rasmi dari segi struktur parti dan budaya kelakian dalam parti pernah disuarakan oleh Khadijah Sidek dalam tahun 50 an.<sup>82</sup>

Ahli politik wanita juga berhadapan dengan tekanan yang lebih berat dari ahli politik lelaki dari segi menjaga imej. Seorang pemimpin wanita lebih sukar untuk mendapatkan kepercayaan daripada orang ramai. Apatah lagi sekiranya ada di kalangan lelaki ini mempunyai inspirasi dalam politik dan tempat ini telah diambil oleh seorang wanita.<sup>83</sup> Tambahan pula, kaum lelaki mempunyai peluang dan ruang yang cukup besar untuk meluaskan pengaruh mereka. Aktiviti sosial ahli politik lelaki lebih luas berbanding dengan wanita. Kesempatan untuk berjumpa dengan ahli politik yang lain bukan sekadar ketika perjumpaan atau mesyuarat tetapi juga apabila aktiviti-aktiviti sosial lain diadakan seperti aktiviti sukan atau minum petang. Masjid, surau dan kelab-kelab rekreasi misalnya digunakan untuk berbincang dengan kawan atau lawan mengenai politik.<sup>84</sup> Mereka dapat meluaskan jaringan sosial yang boleh membantu kerjaya politik mereka. Masjid dan surau boleh digunakan sebagai medan pertemuan serta perbincangan ahli politik lelaki dengan kawan, lawan dan masyarakat. Peluang ini boleh digunakan sepenuhnya oleh kaum lelaki. PAS dikatakan berjaya meluaskan pengaruh mereka melalui penggunaan masjid dan surau. Ini kerana kebanyakan golongan yang mengunjungi tempat ibadat ini lebih cenderung serta sering terdedah dengan pengaruh PAS. Adalah menjadi pekara biasa sekiranya seorang ahli politik lelaki pulang ke rumah selepas jam 12 malam. Kelakuan mereka tidak dinilai dan menjadi buah mulut

---

<sup>82</sup> Manderson, *op.cit.*, m.s 169.

<sup>83</sup> Temuramah dengan YB Rohani Karim di Parlimen pada 11 April 2000.

<sup>84</sup> Sarimah Othman, "Apa Yang Diperjuangkan", MASSA, 11-17 Julai 1998, m.s. 54.

masyarakat setempat. Ahli politik wanita pula terpaksa menjaga status dan kedudukan mereka sebagai seorang wanita. Oleh itu golongan lelaki mempunyai rangkaian yang lebih kukuh antara mereka yang memegang jawatan dalam kerajaan dan menyebabkan wanita tersekat untuk maju.

Mengikut kajian ini, taburan min responden lelaki dan wanita menunjukkan antara faktor penting yang menghalang usaha wanita untuk aktif ialah kurangnya keyakinan ahli wanita tentang kemampuan wanita untuk berada di peringkat kepimpinan dalam politik. Ini kerana tanggungjawab dan tugas dalam politik dianggap berat serta tidak sesuai untuk dilakukan oleh wanita. Lantaran itu, wanita tidak mendapat peluang yang sama seperti lelaki apabila pemilihan calon untuk pilihanraya diadakan. Kaum wanita dianggap penting hanya sebagai pekerja parti yang bertugas di peringkat bawahan terutama sekali untuk berkempen. Responden wanita juga menegaskan walaupun wanita menang bertanding tetapi sebahagian besar di kalangan mereka tidak diberi peluang dalam pentadbiran parti atau kerajaan seperti kaum lelaki. Malah yang lebih ketara lagi kedapatan ahli politik lelaki yang kalah semasa pilihanraya tetapi masih diberi peluang untuk menerajui jawatan-jawatan tinggi sama ada di peringkat kementerian atau setiausaha parlimen.<sup>85</sup> Secara tidak langsung ini jelas memperlihatkan struktur politik amnya dan parti khususnya yang tidak seimbang dan ketidaksamaan inilah yang menutup peluang untuk wanita bergerak secara aktif dalam politik.

---

<sup>85</sup> Norhisyam Mustafa, "YB. Perempuan: Sejauhmana Dipercayai?", *Perempuan*, Februari 2000, m.s. 78-81.

Jadual 5.23: Taburan Min Yang Menunjukkan Cabaran Utama Dihadapi Oleh Wanita Untuk Aktif Dalam Politik

Cabaran-cabaran utama	Perempuan	Kedudukan	Lelaki	Kedudukan
a. Tanggungjawab dan tugas dalam politik amat berat dan tidak sesuai dipikul oleh wanita	4.91	2	4.93	2
b. Kurang keyakinan daripada ahli wanita tentang kemampuan pimpinan wanita untuk berada di peringkat yang lebih tinggi dalam politik	4.47	1	4.84	1
c. Wanita dianggap hanya sebagai pekerja untuk berkempen	5.51	4	5.55	4
d. Wanita tidak mendapat peluang yang sama seperti lelaki sebagai calon dalam pilihanraya	5.46	3	4.53	3
e. Walaupun menang dalam pilihanraya tetapi wanita tidak diberi tempat dalam pentadbiran parti/kerajaan seperti yang diperolehi oleh kaum lelaki	5.95	5	5.13	5
f. Tentangan dalaman daripada parti itu sendiri menyebabkan wanita tidak dapat bergiat secara aktif	6.27	6	5.00	6

Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Sikap sesetengah golongan wanita yang kurang yakin dengan kemampuan mereka untuk memimpin menjadi cabaran yang perlu ditangani oleh kaum wanita sendiri. Responden wanita mengakui bahawa mereka kurang yakin untuk melantik wanita di peringkat tinggi parti. Ini menunjukkan golongan wanita yang meletakkan halangan kepada kaum mereka untuk maju dalam politik.<sup>86</sup> Sudah tersemat dalam mentaliti dan budaya politik orang Melayu bahawa lelaki lebih superior daripada wanita.<sup>87</sup> Seorang wanita mempunyai tanggungjawab yang besar sebagai seorang ibu, isteri dan mungkin

<sup>86</sup> Harakah, 11 Oktober 2000.

juga sebagai pekerja. Beliau mungkin berpelajaran, memegang jawatan tinggi dalam pekerjaan tetapi masyarakat tetap menganggap wanita sebagai subordinat kepada lelaki.

*The roles of girls and women have been dictated to by societal traditions ...unconsciously by other women too.<sup>88</sup>*

Perkara ini terjadi kerana ketakseimbangan hubungan gender dalam nilai-nilai sosial masyarakat Melayu. Kebanyakan wanita dan lelaki Melayu dibesarkan dengan anggapan bahawa kaum lelaki lebih dominan daripada wanita. Kekurangan bilangan wanita yang berjaya memegang jawatan di peringkat pemutus dasar juga contoh yang jelas kurangnya sokongan wanita terhadap golongan mereka sendiri. YB Mazidah Zakaria (1994) berpendapat, walaupun wanita sudah terlibat secara langsung dalam politik tetapi tidak ramai yang berada di tahap tinggi.<sup>89</sup> Ini berlaku akibat ketaksuhan masyarakat bahawa lelaki boleh melakukan yang lebih baik dari wanita. Kewujudan politikal siling kaca ini mengukuhkan lagi ketaksamaan dalam hubungan gender kerana budaya masyarakat Melayu yang menerima pandangan bahawa kaum lelaki harus memimpin kaum wanita. Tidak dinasikan masih ramai kaum wanita kampung dan yang tidak berpelajaran menolak kepimpinan wanita. Mereka beranggapan wanita lebih sesuai sebagai isteri berbanding sebagai wakil rakyat.<sup>90</sup>

Apabila ditinjau secara keseluruhan taburan min mengenai cabaran utama bagi responden wanita UMNO dan PAS, terdapat perbezaan pandangan tentang peluang wanita sebagai calon dalam pilihanraya. Jadual 5.23 menunjukkan wanita UMNO dalam

---

<sup>87</sup> **New Straits Time**, 14 February 1994.

<sup>88</sup> Ibid.

<sup>89</sup> **New Straits Time**, 14 Februari 1994.

<sup>90</sup> **The Sun** , 30 January 1996.

kajian ini berpendapat, peluang yang tidak sama seperti kaum lelaki dalam pilihanraya menyebabkan wanita tidak mempunyai motivasi untuk bergerak aktif. Walaupun wanita UMNO mendakwa telah diberi kedudukan yang lebih baik berbanding dengan wanita PAS dalam politik tetapi mereka masih menganggap bahawa wanita tidak diberi peluang yang sama rata,<sup>91</sup> dari segi pemberian kerusi pilihanraya<sup>92</sup> atau jawatan dalam kabinet. Berlainan pula dengan wanita PAS yang tidak menganggap isu ini sebagai perkara penting kerjaya politik mereka.

Walaupun wanita mempunyai kelayakan dan kewangan yang stabil, masyarakat masih enggan mengiktiraf kebolehan mereka dalam bidang politik. Oleh itu kebanyakan wanita yang menyertai politik menjadi pelaku yang aktif berkempen dari rumah ke rumah. Kalau tidak pun wanita ditugaskan untuk membuat minuman atau makanan atau berniaga dengan tujuan untuk mengutip derma bagi menjalankan aktiviti-aktiviti dikawasan masing-masing. Namun begitu, Dr. Norraesah Mohamad (1999) mendakwa walaupun antara kegiatan utama wanita UMNO ialah mengutip derma tetapi aktiviti ini memberi peluang kepada ahli-ahlinya menimba pengalaman tentang pengurusan dan kerja-kerja parti.<sup>93</sup> Menurut Malvin (1986), aktiviti-aktiviti sosial yang dijalankan oleh ahli politik wanita sebenarnya secara tidak langsung mempengaruhi wanita kampung untuk menyertai UMNO.<sup>94</sup> Tambahan pula kegiatan sosial ini akan mendedahkan kaum

---

<sup>91</sup> New Straits Times, June 1996.

<sup>92</sup> Watan, Januari 1996; "Wanita UMNO Terpaksa Akur", MASSA 30 Ogos 1997, m.s. 17.

<sup>93</sup> New Straits Time, 25 November 1999.

<sup>94</sup> Malvin, *op. cit.*, m.s. 196.

wanita kepada pengalaman sebagai ketua atau pemimpin dan memperaktikkan peranan ini di luar kontek bidang domestik.<sup>95</sup>

#### **5.4. Sumber Maklumat Politik**

Politik merupakan suatu bidang yang sentiasa bergolak dan tidak pernah kering dengan isu-isu semasa. Kesungguhan atau cara seseorang itu mendapatkan maklumat mengenai parti boleh membuktikan sejauhmana minat beliau tentang kepentingan politik. Kekerapan responden mengikuti berita atau laporan mengenai parti mereka akan mencerminkan komitmen ahli terhadap parti.


##### **5.4.1. Kekerapan Mengikuti Berita Politik**

Berdasarkan kepada tindak balas yang diberi oleh 271 orang responden, hanya 40.3% responden PAS yang sentiasa mengikuti berita atau laporan mengenai parti mereka, manakala 46.3% ahli PAS yang mengikuti perkembangan parti dari masa ke semasa sahaja. Keterbatasan responden PAS untuk mendapatkan sumber mengenai parti menyebabkan mereka mendakwa kurang mengikuti perkembangan politik. Ada juga di kalangan responden yang hanya mengikuti berita parti apabila timbul isu-isu semasa sahaja, 11.9%.

---

<sup>95</sup> Ibid, m.s. 116-119.

Rajah 5.6: Kekerapan Mengikuti Perkembangan Parti dan Politik



Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Sementara 53.3% responden UMNO dalam kajian ini mengatakan mereka sentiasa mengikuti berita atau laporan mengenai parti. Malah 54.5% responden lelaki UMNO lebih kerap berbuat demikian berbanding dengan responden wanita UMNO iaitu 52.2%. Manakala yang mengikuti berita dari masa ke semasa hanya 33.3%. Apabila dibandingkan keseluruhan responden UMNO dan PAS didapati responden PAS lebih cenderung mengikuti laporan parti mereka dari masa ke semasa bergantung kepada kemudahan untuk mendapatkan maklumat. Manakala responden UMNO pula sentiasa mengikuti berita mengenai parti. Dipercayai kerana parti UMNO sebagai parti yang memerintah dapat mengawal kebanyakan sumber maklumat seperti media elektronik dan media massa. Maka secara tidak langsung berita-berita yang disiarkan lebih menyokong parti UMNO<sup>96</sup> di atas nama kerajaan.

<sup>96</sup> Sila lihat Mohammad Agus Yusoff, op.cit., m.s 162. Beliau membincangkan tentang peranan media massa yang berat sebelah dalam pilihanraya 1990. Walaupun kebanyakan berita yang disiarkan lebih memihak kepada kerajaan namun rakyat Kelantan telah menolak berita-berita yang disiarkan dan akibatnya PAS menang besar di Kelantan. Sila lihat juga Shaharom Sulaiman, "Media Massa dan Pilihanraya," dalam PEMIKIR: Membangun Minda Berwawasan, Oktober-September 1999, Bil. 18, Utusan Melayu, m.s. 118. Beliau juga mendakwa media massa memberi ruang kepada kerajaan dan tidak membantu pembangkang menyebarkan maklumat penting mengenai parti mereka kepada masyarakat.

Parti pemerintah<sup>97</sup> sudah tentu melantik orang-orang yang menyokong mereka untuk memegang jawatan yang penting dalam organisasi media.<sup>98</sup> Dengan ini berita yang disiarkan akan berpihak serta mengikut landasan yang mereka tetapkan. Kebanyakan akhbar perdana tempatan yang dimiliki oleh pemerintah atau golongan yang menyokong pemerintah cenderung untuk melaporkan berita-berita yang menggambarkan kelebihan kerajaan terutama semasa musim pilihanraya.<sup>99</sup> Ini termasuk di peringkat pusat dan negeri.

Daripada 135 orang responden wanita, 47.8% sentiasa mengikuti perkembangan berita parti manakala 42.5% pula dari masa kesemasa dan 9.7% hanya apabila timbul isu-isu semasa. Wanita UMNO, 52.2%, lebih kerap mengikuti perkembangan berita mengenai parti berbanding dengan wanita PAS, 43.3% sahaja. 136 orang responden lelaki juga mempunyai peratus yang tinggi dalam kekerapan memperolehi berita atau laporan yang berkaitan dengan parti iaitu 47.4%. Hanya 37% yang mengikutinya dari masa ke semasa dan apabila timbul isu-isu semasa sahaja, 15.6%. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai pengetahuan dan kesedaran tentang politik dan kerajaan kerana mengikuti perkembangan politik melalui sumber-sumber yang ada.

<sup>97</sup> Akhbar perdana seperti Berita Harian, Utusan Malaysia, New Straits Times menyiarkan berita yang mendokong kerajaan BN. Namun begitu, kerajaan PAS di Terengganu pula mempunyai Warta Daruliman yang melaporkan perkembangan pemerintahan PAS.

<sup>98</sup> Shahalom Sulaiman, "Media Massa dan Pilihanraya", m.s. 119, Makmor Tumin, "Peranan Media Dalam Pilihanraya", **Dewan Masyarakat**, Ogos, 1999, m.s. 10-11.

<sup>99</sup> Amran Sani Abdullah, "Mengapa Prejudis Terhadap Akhbar Tempatan", **Dewan Masyarakat**, Februari 1999, m.s. 10-13.

Kesimpulannya, responden lelaki dan wanita daripada UMNO atau PAS mempunyai kesedaran yang tinggi tentang politik. Kekerapan mereka mengikuti berita dan laporan mengenai politik dan parti menunjukkan orientasi yang positif terhadap penglibatan mereka dalam politik.

#### **5.4.2. Sumber Berita**

Pengaruh media amat berkait rapat dengan institusi politik. Ia memainkan peranan yang cukup besar untuk mempengaruhi pandangan dan sikap masyarakat terhadap politik atau perkara yang berkaitan dengannya. Abdul Rahman Sulaiman (1995) mendakwa media merupakan alat sebaran am yang paling berkesan mempengaruhi orang ramai sebab itu ia digunakan secara meluas oleh ahli-ahli politik.<sup>100</sup> Media elektronik dan media cetak menyebarkan maklumat untuk orang ramai dengan lebih cepat serta mudah diperolehi.

Maklumat mengenai politik boleh didapati sama ada melalui media cetak seperti akhbar, majalah, jurnal dan juga buku-buku penulisan milik pembangkang atau kerajaan. **Utusan Malaysia, Berita Harian, New Straits Time** dan **The Star** adalah beberapa buah akhbar perdana yang menyiarkan perkembangan politik UMNO atau PAS. Akhbar-akhbar yang dinyatakan di atas dimiliki oleh pihak kerajaan ataupun ahli perniagaan dan kumpulan-kumpulan yang rapat dengan parti politik kerajaan.<sup>101</sup> Pembangkang juga diberi hak untuk menerbitkan akhbar mereka. Contohnya **Harakah, The Rocket** dan

---

<sup>100</sup> Abdul Rahman Sulaiman, "Role of Media in Promoting Political Consciousness and Participation of Women", dalam Robert Haas dan Rahmah Hashim (pnyt), **Malaysian Women: Creating Their Political Awareness**, Kuala Lumpur, Asian Institute For Development Communication, 1995, m.s. 66.

<sup>101</sup> Shahanom Sulaiman, "Media Massa dan Pilihanraya", m.s. 120.

**Suara Keadilan** mewakili suara daripada parti-parti pembangkang. Menurut Shaharom Sulaiman (1999), setiap sistem politik mengawal sistem media kerana media massa mempunyai kuasa dan tarikan tersendiri yang dapat mempengaruhi pengundi serta boleh menentukan penguasaan sesebuah parti dalam kerajaan.<sup>102</sup>

Sudah sekian lama pihak pembangkang terutama Muslimat PAS merasakan diri mereka terpinggir bukan dalam perjuangan parti PAS tetapi dalam akhbar-akhbar arus perdana. Bagi muslimat PAS, diskriminasi tidak wujud dalam perjuangan PAS tetapi ianya wujud dalam politik Malaysia kerana parti pembangkang diketepikan daripada mendapat liputan meluas tentang kegiatan-kegiatan yang dilakukan.<sup>103</sup> Tumpuan lebih banyak diberikan kepada ahli politik lelaki. Malah DMP juga terpinggir daripada liputan **Harakah** mengenai kegiatan mereka.

Begitu juga dengan nasib yang melanda wanita UMNO. Mereka juga jarang diberikan tempat untuk mendapat liputan dalam akhbar harian Malaysia. Menurut YB Rohani Karim, kaum wanita lebih sukar untuk mendapatkan liputan dalam akhbar perdana apabila melakukan aktiviti-aktiviti politik berbanding dengan ahli politik lelaki. Alasan yang sering diberikan oleh para wartawan ialah tidak mempunyai ruang tetapi aktiviti-aktiviti politik kaum lelaki sentiasa mendapat liputan harian.<sup>104</sup>

---

<sup>102</sup> Ibid., m.s 118.

<sup>103</sup> Temubual dengan Senator Jalimah Ibrahim di Parlimen pada 19 April 2000.

<sup>104</sup> Temubual dengan YB Rohani Karim di Parlimen pada 11 April 2000.

Media massa memainkan peranan yang cukup besar mempengaruhi sikap dan kesedaran politik di kalangan wanita. Malah kekalahan besar PAS dalam pilihanraya 1986 membuktikan pengaruh media dan kempen media wanita UMNO yang mengatakan PAS tidak memberi layanan sama rata kepada ahli wanitanya.<sup>105</sup> Apabila Muslimat PAS memberi kritikan kepada kepimpinan parti semasa Muktamar 46 di Terengganu, pihak media telah memberi liputan yang meluas kepada parti pembangkang. Ini merupakan kali pertama di dalam sejarah PAS dan sejarah DMP, kerana Muslimat diberi pendedahan dan berpanjangan lebih kurang dua minggu.<sup>106</sup> Bukan itu sahaja, pelbagai majalah tempatan mencari ruang dan peluang untuk melihat tindakbalas kerajaan dan PAS sendiri berkenaan hal ini. Pihak media memberi laporan yang cukup positif di atas tindakan beberapa orang ahli Muslimat itu dan menyatakan sudah terdapat di kalangan ahli PAS yang mendesak kepada perubahan dalam kepimpinan ulamak PAS. Muslimat PAS mula mendapat perhatian dan nama-nama seperti Senator Hajah Jamilah Ibrahim, Dr. Lo' Lo', Dr. Mariah dan beberapa orang lagi menjadi buatan harian. Masyarakat mula mengenali mereka yang menjadi tulang belakang kepada pergerakan DMP yang didakwa bisu dan taksub kepada para pemimpinnya selama ini. Ini menunjukkan betapa besarnya pengaruh media dalam menyebarkan tentang kefahaman politik di kalangan masyarakat.

Sebagai sebuah parti pembangkang, berita-berita mengenai PAS yang dikeluarkan dalam akhbar perdana amat terhad berbanding dengan UMNO. Tetapi PAS mempunyai akhbar rasminya iaitu **Harakah** yang diterbitkan dua kali sebulan. Sebelum pilihanraya ke 10, akhbar ini diterbitkan sebanyak dua kali seminggu dan ia dikatakan menyumbang

---

<sup>105</sup> Wazir Jahan Karim, "Women in Politics", m.s. 107.

<sup>106</sup> Sila lihat rujukan mengenai hal ini dalam <http://www.parti-pas.org/muslimat/ucapan/komentar9.htm>

kepada kemenangan besar PAS dalam pilihanraya ke-10.<sup>107</sup> Ini kerana jualan **Harakah** dikatakan mencecah 300,000<sup>108</sup> setiap keluaran mengatasi jualan akhbar-akhbar lain. Namun begitu, kerajaan telah melupuskan pengeluaran **Harakah** hanya kepada dua kali sebulan dengan alasan akhbar itu lebih banyak menyiaran berita-berita palsu dan berbentuk fitnah.<sup>109</sup>

Media elektronik seperti televisyen dan radio dikuasai oleh Barisan Nasional di bawah pimpinan UMNO. Media elektronik dikawal sepenuhnya oleh kerajaan di bawah Menteri Penerangan iaitu Tan Sri Mohd Khalil Ya'cob. Walau bagaimanapun dengan pembangunan teknologi, ahli-ahli PAS dapat mengikuti berita terbaru mengenai parti melalui internet. Begitu juga dengan penyokong UMNO. Namun begitu, berita yang disiarkan melalui internet sering kali diragui kesahihannya. Ini kerana penggunaan internet dikatakan lebih cenderung untuk memburuk-burukkan kerajaan.


---

<sup>107</sup> **Harakah**, 1 Mac 2000.

<sup>108</sup> Amran Sani Abdullah, "Mengapa Prejudis Terhadap Akbar Tempatan", m.s. 10-13.

<sup>109</sup> **Harakah**, 1 Mac 2000.

Rajah 5.7: Sumber Yang Digenakan Oleh Responden Untuk Mendapatkan Maklumat Mengenai Parti



Sumber: Data Kajian Lapangan Penulis (2000)

Statistik menunjukkan 23.2% responden wanita kajian menggunakan kombinasi pelbagai sumber untuk mendapatkan maklumat mengenai parti dan politik. Ini termasuk melalui media elektronik seperti radio dan tv, media cetak seperti suratkhabar, melalui kawan-kawan daripada parti yang sama atau dengan menghadiri ceramah-ceramah parti. Tetapi hanya 9.6% responden wanita menghadiri ceramah untuk mendapatkan maklumat manakala 7.0% melalui akhbar dan 5.9% melalui radio dan tv sahaja. Pola yang sama ditunjukkan oleh responden lelaki iaitu 28% daripada mereka mendapatkan maklumat melalui pelbagai cara termasuk internet. Bilangan responden lelaki yang bergantung kepada pertolongan kawan-kawan untuk mendapatkan maklumat parti lebih tinggi daripada responden wanita. Berdasarkan kepada jantina, responden lelaki dan wanita

tidak menunjukkan sebarang perbezaan dari segi penggunaan sumber-sumber yang ada. Majoriti responden menunjukkan komitmen yang tinggi dengan memperuntukkan masa yang banyak untuk mendapatkan maklumat politik daripada pelbagai sumber.

Dari pada kajian yang dijalankan, 50.7% responden lelaki dan wanita PAS menggunakan kombinasi pelbagai sumber untuk mendapatkan maklumat mengenai berita parti dan politik, 27.2% responden PAS mendapat maklumat melalui ceramah dan syarahan yang diadakan oleh tokoh-tokoh pemimpin parti tersebut. Melalui ceramah yang dianjurkan oleh parti ini maka pengikut PAS berpeluang untuk mengetahui perkembangan isu-isu semasa yang berkaitan dengan PAS dan perkembangan politik. Sudah menjadi kebiasaan ceramah-ceramah PAS akan dihadiri oleh tokoh-tokoh parti yang terkemuka dari barisan kepimpinan parti. Ini bukan sahaja dapat menguatkan kesetiaan kepada parti tetapi juga menyebabkan sesuatu isu atau perkara itu diterima dengan lebih yakin oleh para penyokong yang mendengar. Tambahan pula sebagai parti pembangkang peluang mereka untuk muncul di kaca televisyen amat kurang. Namun kesannya, mereka hanya akan mendengar penjelasan daripada satu pihak sahaja dan tidak mendapat pandangan daripada pihak lain mengenai sesuatu isu. Dengan itu akan timbul rasa fanatik terhadap parti. Bagi responden UMNO, hanya 8.9% yang bergantung kepada ceramah untuk mendapatkan maklumat atau penjelasan mengenai parti.

Penggunaan pelbagai sumber berita sama ada media cetak, media elektronik dan ceramah akan menolong golongan yang berkenaan melebarkan pemahaman mereka mengenai parti dan bersikap terbuka dalam politik di samping mengumpul maklumat-maklumat yang bersifat universal. Ini jelas memperlihatkan perbezaan sikap politik antara

golongan yang berpendidikan tinggi dengan golongan yang berpendidikan rendah. Bagi golongan yang berpendidikan rendah, oleh kerana mereka bergantung kepada satu cara untuk mendapatkan maklumat mengenai parti maka pandangan serta fahaman mereka akan lebih bersifat tempatan dan terikat kepada hujah-hujah para pemimpin. Maka lahir pandangan-pandangan bahawa golongan ini taksub kepada pemimpin.

Sumber maklumat kedua yang digunakan oleh responden PAS ialah melalui akhbar, 8.1%. Tetapi penulis tidak dapat memastikan sama ada maklumat yang diperolehi itu diambil dari suratkhabar perdana atau akhbar terbitan PAS sendiri.<sup>110</sup> Terdapat 2.9% responden PAS yang bergantung kepada kawan-kawan untuk mendapat maklumat mengenai parti.

Penggunaan internet untuk mendapatkan maklumat perlu disertai dengan sumber-sumber lain kerana dikhuatiri maklumat yang ada dalam internet tidak tepat atau dari sumber yang tidak menyokong PAS.

Bagi responden UMNO, 51.9% menggunakan pelbagai cara untuk mendapatkan maklumat. Terdapat 18.5% mengikutinya melalui penggunaan suratkhabar dan 14.1% melalui radio dan tv. Bagi 17.9% responden wanita, radio dan akhbar merupakan sumber yang utama kepada untuk mendapatkan maklumat parti diikuti dengan ceramah, 7.5%. Mereka tidak bergantung kepada kawan-kawan sebagai sumber maklumat politik. Seperti responden PAS, responden UMNO juga melayari internet tetapi tidak bergantung

<sup>110</sup> Pada masa sekarang PAS masih lagi menjalankan kempen memboikot media perdana termasuk akhbar **Utusan Malaysia**, **New Straits Time** dan **TV3**. Maklumat lanjut boleh diperolehi melalui laman web PAS yang menunjukkan logo memboikot media tersebut. <<http://www.pas-org.edu>>.

sepenuhnya kepada sumber ini sebaliknya menggunakan sumber-sumber yang lain juga untuk mendapatkan kesahihan berita mengenai parti.

Rajah 5.7 menunjukkan manakala perbezaan di antara responden wanita UMNO dan PAS ialah peratus responden wanita UMNO yang mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber, akhbar dan radio serta televisyen lebih tinggi iaitu 50.7% berbanding dengan wanita PAS iaitu 42.6%. Bagi 30.9% wanita PAS pula, peratus yang mengikuti ceramah sahaja adalah jauh lebih tinggi daripada wanita UMNO iaitu 7.5%. Adakah ini menunjukkan wanita UMNO lebih komited berbanding dengan wanita PAS? Seperti yang telah dibincangkan sebelumnya, media elektronik dikawal sepenuhnya oleh kerajaan dan PAS pula mengambil pendekatan memboikot media perdana ini. Oleh itu wanita PAS juga mengambil sikap yang sama dengan tidak menggunakan media perdana sama ada elektronik atau cetak untuk mendapatkan maklumat.

Kesimpulannya majoriti responden UMNO dan PAS dari Terengganu dan Selangor mempunyai komitmen yang tinggi terhadap politik. Mereka memperuntukkan masa yang banyak mendengar radio, membaca akhbar, menghadiri ceramah, melayari internet semata-mata untuk mendapatkan maklumat dan meluaskan pengetahuan dalam politik.

Bab ini telah mencapai objektifnya untuk meneliti hubungan gender dalam politik dengan mengkaji penglibatan wanita UMNO dan PAS. Latar belakang demografi digunakan sebagai panduan untuk menilai tahap penglibatan kesemua sampel yang

dipilih. Selain itu, kajian ini juga membuktikan bahawa diskriminasi sememangnya wujud dalam politik sehingga membataskan penglibatan wanita secara lebih berkesan. Hasil daripada temubual dan data yang diperolehi, majoriti responden wanita secara langsung atau tidak langsung meletakkan keluarga sebagai suatu keutamaan. Ini disokong pula oleh golongan lelaki yang melihat kepentingan wanita dalam institusi keluarga sebagai lebih utama. Malah daripada maklumat yang diperolehi bermula daripada faktor yang mendorong serta faktor yang menghalang diikuti dengan cabaran-cabaran utama berkaitan dengan pembabitan wanita dalam politik, ia sedikit sebanyak menyentuh kepada institusi keluarga. Keluarga masih dianggap sebagai satu institusi penting dan merupakan fundamental kepada kemajuan kerohanian sesebuah masyarakat itu. Namun begitu selagi institusi keluarga masih berbentuk patriaki, wanita akan sentiasa dibebankan dengan tugas-tugas rumahtangga yang secara tidak langsung membataskan penglibatan mereka dalam politik. Interaksi yang wujud di dalam politik sepetimana institusi keluarga tidak dapat lari daripada berlakunya satu hubungan dominasi dan subordinasi di antara lelaki dan wanita. Ini kerana pada dasarnya pengertian gender merangkumi hubungan sosial lelaki dan wanita melalui proses pengukuhan hubungan peranan berdasarkan kepada budaya dalam sesebuah masyarakat.